

# Info



Media Komunikasi Maktab Koperasi Malaysia  
Bil. 2/2011 ISSN 0127-1032

Pusat Latihan Koperasi No. 1 di Malaysia

## Sambutan

## Ulang Tahun MKM Ke-



Sertai komuniti kami di:

facebook

twitter

Cari : MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

# Info • Kandungan

## Eksklusif

- 4 **Majlis Sambutan Ulang Tahun MKM Ke-55** 
- 6 Lembaran Khas
- 10 Hari Koperasi Negara 2011
- 11 Pelancaran Program Akademi Peruncitan
- 12 Perhimpunan Dwi Bulanan
- 13 Majlis Berbuka Puasa
- 14 Majlis Perasmian Menu 1 Malaysia

## Pelawat

- 15 Lawatan Delegasi Dari ACCUM
- 15 Lawatan Delegasi Dari VAMNICOM
- 16 Lawatan Delegasi Dari FSBK Se-Jakarta

## Jaringan

- 17 Program Sangkutan Di Swedish Cooperative Group dan Pembentangan Penyelidikan di ICA Research Conference 2011
- 18 Persidangan Antarabangsa
- 18 Program Sangkutan Di Banlat Agriculture Co-operative Limited Petchaburi Thailand

- 19  **First ICA-Japan Training Course on Quality and Safety Management of Farm Product**

- 20 From Owen With Love
- 21 Program Sangkutan Koperasi Pemborong & Peruncitan Di Ho Chi Minh City, Vietnam
- 22 Program Sangkutan di Tianjin Baodi District of Supply and Marketing Co-operative, China

## Fokus

- 23 Seminar Transformasi Koperasi Menjana Ekonomi Negara
- 24 Seminar "Innovating Cooperative Business With Internet Technology"

- 25 **Regional Co-operative Research Seminar for Asia Pacific** 

- 32 Seminar Aspirasi Koperasi 2011
- 33 Seminar Pemantapan Rantaian Nilai Bidang Keberhasilan Utama Koperasi

## 26 Galeri

Koleksi Gambar

## Perspektif

- Bicara Tokoh: Inovasi Koperasi :  
34 Peruncitan dan Pemborong"
- Bicara Eksekutif "Pembiayaan  
35 Mikro Pemangkin Ekonomi Anggota dan Masyarakat"
- Bicara Eksekutif "Peluang, Cabaran dan Hala Tuju Perniagaan Pemborong dan Peruncitan Dalam Gerakan Koperasi"  
36
- Menjana Pendapatan Koperasi Melalui Perusahaan Sarang Burung Walit  
37
- Bicara Eksekutif "Potensi Perniagaan Koperasi Masa Kini: Belangkas dan Ikan Ketutu"  
38
- Kursus Pengurusan Peruncitan: Kursus pengurusan Restoren & Katering di Sutera Inn Kota Bharu  
39

## Koperasi Bimbingan

- 40 Program Team Building Koperasi Bimbingan MKM

## Berita Kakitangan

- Lawatan oleh Timbalan Ketua Pengarah Akademik ke Koperasi di Wilayah Baling dan Sik, Kedah"  
41
- 42 Kursus Mesra IT "Google dan Blog"
- 43 Ibadah Korban

## Buletin Pelajar

- 44 Minggu Orientasi Pelajar Sijil Pengurusan Koperasi Ambilan Julai 2011
- 45 Majlis Perasmian Diploma Profesional Pengauditan Koperasi
- 46 Promosi Tour DPPK

## 47 Imbasan 2011

## Lampiran

Iklan

## Sidang Editorial

### PENASIHAT

**Tn. Hj. Idris Ismail**

Ketua Pengarah

### KETUA EDITOR

**Pn. Julia Bee Ramjan**

Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan

### EDITOR

**En. Mohd Rashiman Rasit**

Pegawai Penerangan

### WAKIL PUSAT & UNIT

**Pn. Ayu Diana Awang**

Pusat Antarabangsa & Pendidikan Tinggi (Antarabangsa)

**En. Mohd Fathullah Mohd Aznam**

Pusat Keusahawanan Koperasi & Peruncitan (ReCEnT)

**Pn. Rohalinda Ahad**

Pusat Pentadbiran, Perundangan & Kepimpinan Koperasi (CALL)

**Pn. Juliana Md Yusof**

Pusat Perakaunan & Kewangan (ACTIF)

**Pn. Sharifah Shuzaida Saedin**

Pusat Konsultasi Koperasi (KONSULTASI)

**Pn. Yusnita Othman**

Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (R&I)

**Pn. Hamidah Mohd Jos**

Unit Sumber Manusia (USM)

**Pn. Afiza Abd Karim**

Unit Komunikasi Korporat & Tadbiran Akademik (UKKTA)

**Pn. Sharepah Nur Azirah**

Shareh Abd Rahim

**Cik Wani Syahira Abd. Wahid**

### JURUFOTO

**En. Mohd Norhisyam Md Daud**

# Dari Meja Ketua Editor

Assalamualaikum, Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan Salam Koperasi

Alhamdulillah, Syukur ke Hadrat Ilahi kerana sepanjang tahun 2011, MKM telah berjaya mengharungi segala cabaran dan halangan dengan komitmen yang tinggi selaras dengan misi dan visi yang ditekankan selama ini. Tahun ini merupakan tahun yang cemerlang bagi semua warga kerja MKM kerana dalam meraikan Sambutan Ulang Tahun MKM Ke-55, MKM juga telah memperoleh penjenamaan semula Maktab Kerjasama Malaysia kepada Maktab Koperasi Malaysia melalui Pindaan Akta Maktab Koperasi Malaysia (Perbadanan) (Pindaan 2011) yang telah diwartakan sebagai Akta A1398 berkuat kuasa 1 September 2011 yang membawa perubahan kepada gelaran Pengarah kepada Ketua Pengarah serta logo MKM yang baru.

Keluaran Info kali ini memberi fokus kepada Sambutan Ulang Tahun MKM Ke-55 yang dikongsi bersama dengan Seminar Aspirasi Koperasi bertemakan "Pemimpin Peneraju Transformasi Koperasi" bertempat di Hotel Grand Dorsett, Subang. Majlis gilang gemilang ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), serta tetamu-tetamu kehormat yang lain. Sempena Ulang Tahun Ke-55 ini, MKM telah memberi anugerah penghargaan kepada 3 buah Koperasi yang telah menghantar penyertaan terbanyak untuk kursus jangka pendek anjuran MKM sepanjang tahun 2011. Koperasi-koperasi tersebut adalah Koperasi Angkatan Tentera Berhad, Koperasi Serbaguna Kakitangan MAS Berhad dan Koperasi Telekom Malaysia Berhad (KOTAMAS).

Dalam segmen Perspektif kali ini memaparkan berita mengenai Bicara Eksekutif yang telah diadakan sepanjang tahun 2011. Program Bicara Eksekutif merupakan platform bagi MKM membincangkan isu-isu berkaitan koperasi. Melalui

pendekatan ini, ianya dapat membantu meningkatkan lagi kefahaman anggota koperasi.

Satu inovasi telah dijalankan oleh MKM pada tahun ini ialah dengan menawarkan sebuah program e-PJJ (pengajian jarak jauh secara elektronik) iaitu Diploma Profesional Pengauditan Koperasi dengan kerjasama antara MKM dan Institut Pengauditan Pengurusan Koperasi (ICMA). Program ini diperkenalkan bagi melahirkan graduan yang memiliki pengetahuan dan kemahiran dalam aspek pengurusan koperasi, di samping dapat membekalkan tenaga profesional koperasi dalam bidang pengaudit. Pembelajaran secara atas talian membolehkan bahan pengajaran dicapai dengan mudah dan pada tahun ini seramai 32 orang pelajar telah mendaftar.

MKM terus menjadi pilihan bagi koperasi dalam dan luar negara sebagai salah satu tempat lawatan kerja serta mewujudkan talian kerjasama antara kedua belah pihak. MKM telah menerima kunjungan pelawat dari ACCUM, VAMNICOM (India) serta koperasi dari Indonesia. Sebagai Pusat Latihan Koperasi No. 1 di Malaysia, MKM menyediakan maklumat/makluman serta infrastruktur/kemudahan yang boleh dijadikan contoh oleh pelawat-pelawat.

Bagi pihak MKM, selamat maju jaya diucapkan kepada Y.M. Hjh. Raja Maimon binti Raja Yusof (Timbalan Ketua Pengarah Akademik) di atas persaraan beliau pada 1 Disember 2011. Terima kasih kerana telah menyumbang bakti yang tidak ternilai kepada MKM sepanjang perkhidmatan beliau. Akhir kata, semoga tahun 2012 akan memberi semangat baru kepada seluruh warga kerja MKM untuk terus cemerlang sebagai 'Pusat Latihan Koperasi No 1 Di Malaysia'.

Sekian. Salam Koperasi.

*Julia Bee Ramjan*



# Majlis Sambutan Ulang Tahun MKM Ke

MKM dikenali sebagai peneraju latihan dan pendidikan koperasi sejak ia ditubuhkan. Oleh itu, dalam menjangkau usia 5 dekad, MKM bukan sahaja dikenali sebagai institusi latihan koperasi tertua di rantau ini, malah pengalaman serta kemahiran yang dikumpulkan membolehkannya menjadi pusat rujukan koperator dalam dan luar negara. Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), YB. Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob berkata demikian sewaktu merasmikan Majlis Makan Malam Sempena Sambutan Ulang Tahun Maktab Koperasi Malaysia Ke-55 dan juga Seminar Aspirasi Koperasi yang bertemakan "Pemimpin Peneraju Transformasi Koperasi" 2011.

"Beliau turut menegaskan bahawa pada Sambutan Ulang Tahun Ke-55 ini, ianya akan menjadi penanda aras dalam usaha meningkatkan lagi kejayaan serta

kemahiran bersesuaian dengan status sebagai sebuah institusi ilmu untuk gerakan koperasi di negara ini."

Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-55 mengambil tempat di Hotel Grand Dorsett, Subang pada 10 November 2011 yang dihadiri seramai 800 orang tetamu jemputan. Majlis gilang gemilang ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), serta tetamu-tetamu kehormat yang lain, antaranya dua Timbalan Menteri PDNKK, YB Dato' Tan Lian Hoe dan YB. Datuk Hj. Rohani binti Hj. Abd Karim, Ketua Setiausaha, YBhg. Datuk Mohd Zain bin Mohd Dom serta timbalannya YBhg. Dato' Daud bin Tahir dan YBhg. Pn. Mahani Tan binti Abdullah.

Majlis bermula pada pukul 8.00 malam iaitu sesi pendaftaran peserta seminar serta warga kerja MKM. Majlis turut dimeriahkan dengan pelancaran logo baharu MKM oleh YB. Menteri. Pada malam itu tetamu dihiburkan dengan persembahan nyanyian dari Kombo MBPJ serta warga kerja MKM sendiri.





Para penerima penghargaan



MKM telah memberi anugerah penghargaan kepada 3 buah koperasi yang telah menghantar penyertaan terbanyak untuk kursus jangka pendek anjuran MKM. Koperasi-koperasi tersebut adalah Koperasi Angkatan Tentera Berhad, Koperasi Serbaguna Kakitangan MAS Berhad dan Koperasi Telekom Malaysia Berhad (KOTAMAS). MKM juga telah meraikan mantan pengerusi majlis MKM iaitu YBhg. Dato' Mangsor bin Saad, Ybhg. Prof Dato' Dr. Haji Nik Mohd Zain bin Haji Yusof dan mantan Pengarah MKM Pn Hj. Armi binti Hj. Zainuddin serta En. Kamaluddin bin Othman.

Selaku Ketua Pengarah MKM, Tn. Hj. Idris bin Ismail mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sokongan serta kerjasama kepada warga kerja MKM sehingga ia dapat memberi perkhidmatan kepada masyarakat dan koperasi khususnya sehingga menjangkau usia 55 tahun penubuhannya. Beliau juga mendoakan agar MKM akan menjadi cemerlang, dinamik dan inovatif serta dapat merealisasikan misinya untuk menjadi institusi koperasi bertaraf dunia.

Majlis diakhiri dengan sesi memotong kek di antara YB. Menteri dan tetamu-tetamu kehormat yang lain dan juga nyanyian lagu 1 Malaysia yang telah dinyanyikan oleh semua tetamu yang hadir. Sempena Ulang Tahun Ke-55 kali ini, MKM bertuah kerana majlis kali ini mendapat sokongan dari pelbagai pihak khususnya pihak Kementerian, agensi-agensi, serta warga kerja MKM yang bertungkus-lumus dan komited dalam menjayakan Sambutan Ulang Tahun MKM pada kali ini.



Gimik Pelancaran logo baharu MKM oleh YB. Dato' Seri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri PDNKK



Ucapan Aluan oleh YBhg. Tn. Hj. Idris bin Ismail, Ketua Pengarah MKM



## Apa Kata Pemimpin Sempena Ulang Tahun MKM Ke-55



YB. Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)

“Dalam menjangkau usia 5 dekad, MKM bukan sahaja hanya dikenali sebagai institusi latihan koperasi terunggul di rantau ini, malah pengalaman serta kemahiran yang dikumpulkan membolehkannya menjadi pusat rujukan para koperator dalam dan luar negara”



YBhg. Datuk Mohd Zain bin Mohd Dorn  
Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)

“Sebagai sebuah institusi yang telah diamanahkan untuk memberi latihan dan pendidikan kepada gerakan koperasi, MKM bertanggungjawab untuk melahirkan modal insan yang kompeten, berprestasi tinggi dan perlu menjalankan pelbagai kajian dalam penerbitan bahan ilmiah yang bermutu”



Tuan Haji Idris bin Ismail  
Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia

“Di saat kita meraikan Ulang Tahun MKM Ke-55, saya mendoakan agar MKM akan menjadi cemerlang, dinamik dan inovatif serta dapat merealisasikan misinya untuk menjadi institusi koperasi bertaraf dunia”

## Apa Kata Peserta Koperasi Sempena Ulang Tahun MKM Ke-55

“Maktab Koperasi Malaysia telah mendapat kerjasama yang baik dari setiap koperasi-koperasi di Malaysia dalam mendidik anggota-anggota koperasi menjadi rakyat berfikiran kelas pertama dalam usaha merealisasikan matlamat 1 Malaysia”  
- En. Azreil bin Amlir

“Penceramah yang cukup berpengalaman, membantu, efisien dan berkarisma mampu mengubah cara peserta berfikir dan menghadapi keadaan sebenar”  
- En. Rosdi bin Othman

“Peranan MKM diperlukan untuk memberi didikan dan tunjuk ajar kepada koperasi-koperasi baru membentuk koperasi yang dikehendaki oleh kerajaan”  
- En. Mohd Mazukhi bin Shaffie

“Penubuhan MKM adalah tunjang pembangunan koperasi”  
- En. Mohd Khairul bin Said



# MKM TAJA 4,166 NASKHAH UTUSAN MALAYSIA

SHAH ALAM 10 Nov. - Maktab Koperasi Malaysia (MKM) menaja sebanyak 4,166 naskhah akhbar Utusan Malaysia bernilai RM5,000 yang diagihkan kepada pengguna Plaza Tol Batu Tiga yang menghala ke Kuala Lumpur, hari ini.

Ketua Pengarah, Tuan Haji Idris Ismail berkata tujuan penajaan itu bersempena dengan sambutan ulang tahun ke-55 MKM yang ditubuhkan pada 13 November 1956.

"Penajaan ini untuk memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai penjenamaan semula maktab ini yang dahulunya dikenali sebagai Maktab Kerjasama Malaysia ke Maktab Koperasi Malaysia.

"Nama MKM mula digunakan sejak 1 September lalu setelah mendapat kelulusan Parlimen," katanya selepas mengedarkan akhbar Utusan Malaysia di Plaza Tol Batu 3, Shah Alam.

Maktab Koperasi Malaysia memilih menaja akhbar terbitan Kumpulan Utusan kerana jumlah pembacanya tinggi selain ia merupakan medium efektif yang boleh digunakan bagi memperkenalkan penjenamaan semula. Ini merupakan salah satu program khidmat masyarakat

yang dirancang sempena Ulang tahun Maktab Koperasi Malaysia ke-55.

Untuk makluman, banyak lagi program yang berbentuk khidmat masyarakat ini akan di jalankan untuk menunaikan tanggungjawab sosial MKM kepada masyarakat. Seterusnya MKM berharap dengan penjenamaan semula ini, orang ramai akan lebih mengenali dan mengetahui fungsi utama maktab ini ditubuhkan iaitu untuk memberi latihan kepada koperator di seluruh Malaysia.



Kakitangan MKM sedang mengedarkan akhbar Utusan Malaysia kepada pengguna Plaza Tol Batu 3, Shah Alam

## MKM taja 4,166 naskhah *Utusan Malaysia*



IDRIS Ismail mengagihkan *Utusan Malaysia* kepada pengguna di Plaza Tol Batu Tiga, Shah Alam, semalam.

SHAH ALAM 10 Nov. - Maktab Koperasi Malaysia (MKM) menaja 4,166 naskhah akhbar *Utusan Malaysia* bernilai RM5,000 yang diagihkan kepada pengguna Plaza Tol Batu Tiga yang menghala ke Kuala Lumpur, hari ini.

Ketua Pengarahnya, Idris Ismail berkata, tujuan penajaan itu bersempena sambutan ulang tahun ke-55 MKM yang ditubuhkan pada 13 November 1956.

"Penajaan ini untuk memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai penjenamaan semula maktab ini yang dahulunya dikenali sebagai Maktab Kerjasama Malaysia.

"Nama MKM mula digunakan sejak 1 September lalu setelah mendapat kelulusan Parlimen," katanya selepas mengedarkan akhbar *Utusan Malaysia* di plaza tol berkenaan.

Kata beliau, pihaknya memilih menaja akhbar terbitan Kumpulan Utusan kerana jumlah pembacanya tinggi selain ia merupakan medium efektif yang boleh digunakan bagi memperkenalkan penjenamaan semula maktab tersebut kepada masyarakat.

"Saya berharap dengan penjenamaan semula ini, orang ramai akan lebih mengenali dan mengetahui fungsi utama maktab ini ditubuhkan iaitu untuk memberi latihan kepada pengurusan koperasi-koperasi di seluruh Malaysia," ujarnya.

Petikan akhbar Utusan Malaysia pada 10 November 2011



# **AKTA MAKTAB KERJASAMA (PERBADANAN) (PINDAAN) 2011**

Akta Maktab Kerjasama (Perbadanan) Pindaan 2011 telah mendapat Perkenan DiRaja pada 5 Ogos 2011 dan diwartakan sebagai Akta A1398 pada 18 Ogos 2011. Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 1(2) Akta Maktab Kerjasama Malaysia (Perbadanan) Pindaan 2011 [Akta A1398], Menteri menetapkan 1 September 2011 sebagai tarikh Akta ini mula berkuat kuasa.

Pindaan Akta Maktab Kerjasama (Perbadanan) 1968 [Akta 437] adalah untuk membolehkan MKM mencapai visi dan misinya dan melaksanakan pelbagai bentuk latihan dan pendidikan jangka pendek dan jangka panjang sehingga ke peringkat antarabangsa. Ini termasuklah dalam bidang penyelidikan, konsultasi, jaringan kerjasama dan lain-lain fungsi yang dapat menambah ilmu pengetahuan anggota dan pemimpin koperasi, justeru meningkatkan prestasi mereka dan seterusnya memajukan gerakan koperasi di negara ini.

Akta 437 telah mengalami pindaan kecil pada tahun 1999 yang hanya melibatkan penyelarasan berikutan perubahan pentadbiran sahaja, namun masih terdapat kekurangan di dalam Akta untuk membolehkan MKM menjalankan fungsi penubuhannya selaras dengan peredaran masa dan perubahan peranan gerakan koperasi dalam sektor ekonomi.

Objektif pindaan Akta 437 ini adalah untuk memperkemaskan tadbir urus MKM supaya MKM dapat merancang dan menjalankan program yang inovatif dan kreatif bagi menyokong pembangunan gerakan koperasi ke arah yang lebih berdaya saing dan berdaya maju.

Beberapa ciri utama Pindaan Akta 437 ini ialah:

a) Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 437 untuk membuat peruntukan mengenai penubuhan Maktab Koperasi Malaysia sebagai suatu pertubuhan perbadanan pertukaran nama dari Maktab Kerjasama

Malaysia kepada Maktab Koperasi Malaysia (MKM) supaya ia lebih dikenali dan melambangkan peranannya untuk memajukan gerakan koperasi.

- b) Mengadakan peruntukan yang lebih komprehensif mengenai fungsi MKM seperti berikut:
- i. Menyediakan kursus pengajian koperasi dan bidang-bidang lain yang berkaitan dan menganugerah sijil atau diploma yang sesuai;
  - ii. Menerbitkan atau membantu dalam penerbitan bahan yang berkaitan dengan koperasi atau perkara-perkara yang berkaitan dengannya;
  - iii. Membuat kaedah sebagaimana yang perlu bagi mengatur tanggungjawab dan mengawal pegawai dan kakitangan dan mengenakan apa-apa bayaran bagi mana-mana kursus pengajian sebagaimana yang difikirkan patut;
  - iv. Menjalankan penyelidikan atas perkara berkaitan koperasi;
  - v. Menyediakan khidmat konsultasi;
  - vi. Menjalankan kursus, penyelidikan, konsultasi dan perkhidmatan berteraskan ilmu bersesama atau bersama-sama secara bergabung secara usaha sama atau selainnya, dengan mana-mana institusi pengajian tinggi atau badan profesional atau mana-mana pertubuhan di dalam atau di luar Malaysia; dan
  - vii. Menasihati Menteri mengenai semua perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan modal insan.
- c) Memperuntukkan kuasa kepada Maktab Koperasi Malaysia seperti berikut:
- i. Menganugerah Diploma dan Sijil dan kepujian akademik lain kepada orang yang telah mengikuti kursus pengajian yang di luluskan oleh MKM dan telah memenuhi apa-apa kehendak lain yang di tentukan oleh Lembaga atau yang telah di tetapkan;



- ii. Mengadakan dan menganugerahkan biasiswa, dermasiswa, pingat, hadiah dan bentuk-bentuk kepujian lain, anugerah atau bantuan berkenaan dengan latihan, pendidikan dan aktiviti-aktiviti lain yang ada di MKM;
  - iii. Memberi pinjaman atau bantuan kewangan kepada pelajar yang patut menerimanya mengikut apa-apa terma dan syarat yang di luluskan oleh Lembaga;
  - iv. Memasarkan atau mengkomersialkan perkhidmatan, hasil penyelidikan dan keluaran MKM;
  - v. Menuntut dan menerima apa-apa fi yang ditentukan oleh Lembaga atau apa yang ditetapkan dari semasa ke semasa;
  - vi. Melakukan apa-apa perbuatan atau perkara sama ada bersampingan dengan atau sebagai pematuhan kepada kuasa tersebut yang dibuat bagi meningkatkan pendidikan, latihan, kewangan, pentadbiran, kebajikan dan disiplin di MKM; dan
  - vii. Menubuhkan atau menggalakkan penubuhan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 [Act 125] untuk menjalankan atau terlibat dalam sebarang aktiviti yang di rancang atau di laksanakan oleh MKM dengan persetujuan Kementerian Kewangan.
- d) Membolehkan MKM menubuhkan cawangan-cawangannya supaya aktiviti latihan dapat sampai kepada rakyat seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.
- e) Penubuhan Jawatankuasa Pengajian yang akan membuat cadangan atas silibus yang diperlukan bagi sebarang kursus, kaedah peperiksaan untuk pemberian diploma bagi sebarang kursus yang dijalankan dan lain-lain perkara berkaitan yang dirujuk kepada Jawatankuasa Pengajian. Jawatankuasa Pengajian adalah terdiri daripada berikut:
- (a) Ketua Pengarah selaku pengerusi;
  - (b) Timbalan Ketua Pengarah;
  - (c) Wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia; dan
  - (d) Dua wakil institusi pengajian tinggi.
- f) Penubuhan Kumpulan Wang Rizab, penubuhan dan pengurusan Kumpulan Wang Simpanan Caruman. Penubuhan kumpulan wang ini adalah selaras dengan amalan badan-badan berkanun lain.

Pindaan ini akan membawa kebaikan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam latihan dan pendidikan koperasi. Peruntukan yang telah digariskan akan memantapkan tadbir urus Maktab Koperasi Malaysia serta membolehkan Maktab ini menjalankan tanggungjawab untuk membangunkan modal insan bagi gerakan koperasi.



# Hari Koperasi Negara 2011

Hari Koperasi Negara (HKN 2011) telah diadakan pada 9 Julai 2011, bertempat di Medan letak kereta Istana Kehakiman Putrajaya dengan tema "Transformasi Koperasi Menjana Ekonomi Rakyat". Majlis telah dirasmikan oleh Perdana Menteri, YAB. Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak. Majlis yang menghimpunkan koperasi-koperasi seluruh Malaysia ini turut dihadiri oleh, YB. Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob Menteri Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan. Kedua-dua Timbalannya, YB. Dato' Tan Lian Hoe dan Datuk Rohani Abdul Karim dan Ketua Setiausaha KPDNKK, Ybhg. Datuk Mohd Zain Mohd Dom.

Dalam ucapan sewaktu merasmikan HKN 2011, YAB. Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak menyatakan tema sambutan pada kali ini amat bertepatan kerana ia menggambarkan perubahan bersifat besar, total dan komprehensif. Sejarar dengan itu, beliau menggariskan tiga aspek penting yang wajar diambil perhatian iaitu, perubahan bersifat struktural (structural change), mendukung tadbir urus yang baik (good governance) dan sasaran melalui Petunjuk Prestasi Utama (KPI).

Maktab Koperasi Malaysia (MKM) juga turut serta sebagai pemamer dengan membuat promosi berkaitan kursus-kursus yang ditawarkan di MKM. Selain itu, MKM telah mengedarkan sebanyak 5,000 naskah akhbar Kosmo kepada pengunjung yang hadir bersempena HKN 2011 pada kali ini.

Di akhir majlis, beliau juga sempat meluangkan masa melawat beberapa gerai milik koperasi yang menyertai pameran. Pada tahun ini, sebanyak 300 buah gerai dibuka berbanding 150 pada tahun sebelumnya. Ini menunjukkan koperasi-koperasi telah mampu menghasilkan produk dan perkhidmatan yang bermutu.



Tn. Haji Idris bin Ismail (kiri) menyerahkan sumbangan tajaan kepada wakil akhbar Kosmo (kanan)





# Pelancaran Program Akademi Peruncitan

Akademi Peruncitan adalah sistem latihan berorientasikan praktikal di tempat kerja bagi melahirkan peniaga/usahawan berpendidikan dan berkemahiran tinggi bagi memenuhi keperluan industri peruncitan Malaysia semasa dan masa hadapan dalam membentuk negara maju. Selari dengan Program Transformasi Ekonomi, Kerajaan telah mengenal pasti sektor pemborongan dan peruncitan sebagai salah satu sektor yang berupaya menyumbang sebanyak RM165 bilion Pendapatan Negara Kasar (GNI) menjelang tahun 2020.

Sehubungan dengan itu, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah merangka beberapa buah kursus sepanjang tahun 2011. Pada 9 Jun 2011 bertempat di dewan Auditorium Dato' Abd. Majid satu majlis pelancaran penubuhan Akademi Peruncitan telah diadakan. Majlis ini disempurnakan dan dirasmikan oleh YB. Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri PDNKK.

**OLEH YB MENTERI PDNKK  
YB. DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN  
YAAKOB PADA 9 JUN 2011**

Beberapa orang tokoh usahawan dalam industri peruncitan turut hadir menyerikan majlis di samping peserta dari usahawan-usahawan koperasi seramai 350 orang. Majlis ini dijayakan lagi dengan Program Bicara Tokoh Usahawan. Dua orang tokoh usahawan telah diundang bagi sesi perkongsian pengalaman dalam mengusahakan perniagaan peruncitan iaitu YBhg. Tn Hj Herman Bin Darwis yang merupakan Pengerusi Eksekutif Bumi Terus Maju SDN BHD dan Pengarah Urusan Kuzie Catering iaitu YM Raja Rosly bin Raja Mazlan atau lebih mesra dikenali sebagai Pak Engku.

Secara umumnya matlamat utama penganjuran Majlis Pelancaran Program Akademi Peruncitan ini adalah untuk merasmikan kursus – kursus peruncitan yang telah dijalankan seawal bulan Februari dan sepanjang tahun latihan 2011. – Nur Faeza -

YB. Menteri PDNKK bergambar bersama peserta Kursus Peruncitan 2011

Menteri PDNKK melancarkan Program Akademi Peruncitan



# Perhimpunan Dwi Bulanan Bersama Timbalan Menteri PDNK



Dalam ucapan perasmian, beliau telah menekankan tujuh isi utama yang perlu diberi perhatian oleh seluruh wargakerja MKM, antaranya adalah mengenai transformasi perkhidmatan Awam Kerajaan dimana Sistem Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) diperkenalkan menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM). Majlis berakhir dengan jamuan makan serta lawatan YB. Menteri ke Kafetaria KOOP MKM.

“Setiap warga kerja MKM tidak kira pangkat, usia, tempoh dan jenis perkhidmatan memainkan peranan yang penting kepada kejayaan MKM. Sebenarnya kita tidak boleh lari daripada kenyataan bahawa kita amat memerlukan antara satu sama lain. Cabaran kita ialah keupayaan kita untuk sentiasa berada di hadapan bukan sahaja sebagai peneraju perubahan tetapi sebagai penggerak bagi memastikan perubahan sebagaimana yang dihajatkan oleh MKM”.

Antara isi kandungan ucapan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan (KPDNKK), YB. Datuk Hj. Rohani binti Hj. Abdul Karim semasa hadir sebagai tetamu kehormat untuk Majlis Perhimpunan Dwi Bulanan MKM pada 18 November lalu.

Majlis Perhimpunan Dwi Bulanan ini merupakan majlis bulanan MKM, ianya bertujuan untuk memberi peluang bagi warga kerja MKM menyalurkan pandangan dan bertukar-tukar pendapat mengenai isu-isu berkaitan MKM. Dan majlis kali ini telah dihadiri oleh YB. Timbalan Menteri yang sudi meluangkan masa mendengar permasalahan warga kerja MKM.



YBhg. Tn. Hj. Idris bin Ismail menyampaikan cenderhati kepada YB. Datuk Hj. Rohani binti Hj. Abdul Karim





# MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA YB. DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB, MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN (KPDNKK)

PETALING JAYA, 14 OGOS 2011 – Beramal di bulan ramadhan adalah amalan yang dituntut. Ini kerana bulan Ramadhan adalah bulan-bulan yang istimewa berbanding bulan-bulan yang lain. Jesteru itu, MKM sebagai pusat Latihan No 1 di Malaysia tidak ketinggalan dalam menghulurkan bantuan kepada pihak yang memerlukan dan seramai 79 orang pelajar Diploma Pengurusan Koperasi Maktab Koperasi Malaysia (MKM) menerima bantuan zakat sejumlah RM 200 setiap seorang. Sumbangan Zakat daripada Koperasi Kakitangan Maktab Kerjasama Malaysia telah disampaikan oleh Pengerusi KOOP MKM Pn. Julia Bee Ramjan. Pada majlis tersebut, Maktab Koperasi Malaysia turut menerima cek zakat berjumlah RM 6,000 yang disumbangkan oleh

YBhg. Datuk Kamaruzaman Che Mat, Pengarah Urusan Bank Rakyat.

Majlis Berbuka puasa ini turut dihadiri Timbalan Menteri PDNKK, YB. Dato Tan Lian Hoe dan YB. Datuk Hj Rohani Bt Hj. Abdul Karim serta Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian YB. Datuk Daud bin Tahir. Turut serta ialah ketua-ketua agensi di bawah KPDNKK, para jemputan serta kakitangan MKM. Dalam kemeriahan majlis ini para pelajar MKM juga diberi peluang untuk menunjukkan bakat dengan mengadakan persembahan berbentuk keagamaan. Selepas itu para tetamu yang hadir menunaikan solat maghrib, isyak dan solat Terawih secara berjemaah.



Persembahan nasyid oleh Pelajar MKM



Sumbangan cek zakat oleh Pengarah Urusan Bank Rakyat kepada Ketua Pengarah MKM



Antara tetamu jemputan yang hadir





# MAJLIS PERASMIAN MENU 1 MALAYSIA OLEH TIMBALAN MENTERI PDNKK

Program Menu Rakyat 1Malaysia merupakan salah satu inisiatif Kerajaan dalam membantu rakyat mendapatkan makanan dengan harga yang berpatutan di samping berusaha membantu mengurangkan beban rakyat. Program ini dijalankan dengan kerjasama antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) bersama pengusaha premis makanan ini telah dilancarkan pada 7 Julai 2011.

Sehubungan itu, MKM tidak ketinggalan dalam menyahut seruan kerajaan dengan memperkenalkan Menu Rakyat 1 Malaysia yang telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri PDNKK, YB. Datuk Hjh. Rohani Binti Hj. Abdul Karim pada 18 November lalu.

Majlis perasmian telah diadakan di Kedai KOOP MKM yang dihadiri seluruh warga kerja MKM. Dua pakej Menu Rakyat telah diperkenalkan iaitu pakej sarapan pagi dan pakej sarapan tengah hari.

Contoh menu: Nasi Lemak + Teh 'O' / Kopi 'O' ; atau	RM1.60
Bihun/ Kuey Teow/Mee Goreng + Teh 'O'/Kopi 'O'	RM2.00
Contoh menu: Nasi putih + Ayam + Sayur + Air Suam; atau	RM3.50
Nasi Ayam + Air Teh 'O' Ais	RM4.00



Kunjungan YB. Datuk Hjh. Rohani binti Abdul Karim Kedai KOOP MKM



# Lawatan Delegasi dari ACCUM



Sesi pemberian  
cenderamata sebagai  
tanda kenangan



## Lawatan Delegasi

## dari VAMNICOM



Menyampaikan cenderamata dari  
Ketua MKM Pengarah (kiri) kepada  
Mr. Nitin Ramchandra Gadre (kanan)

**M**aktab Koperasi Malaysia (MKM) telah menerima kunjungan hormat dari Vaikunth Mehta National Institute of Cooperative Management (VAMNICOM), India. Lawatan sehari pada 21 September 2011 itu, adalah bertujuan untuk membincangkan MOU yang sedia ada serta aktiviti-aktiviti usaha sama yang bakal diadakan pada masa kini dan akan datang.

Delegasi kali ini telah diketuai oleh Pengarah VAMNICOM sendiri iaitu Mr. Nitin Ramchandra Gadre berserta para

Pada 19 September 2011, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) telah menerima kunjungan lawatan daripada Kesatuan Koperasi-Koperasi Kredit Malaysia Berhad atau Association of Co-operative Credit Union Malaysia Limited (ACCUM). Lawatan ini untuk meninjau serta menjalin rangkaian kerjasama faedah bersama koperasi-koperasi yang berjaya serta institusi-institusi yang terlibat dalam pembiayaan kredit.

Peserta delegasi yang terlibat adalah seramai 80 orang daripada beberapa negara anggota. Ketua Pengarah MKM, Tn. Hj. Idris bin Ismail telah menyambut ketibaan para delegasi serta memberi taklimat berkaitan MKM kepada mereka. Para peserta mengambil peluang ini dengan bertanyakan soalan serta bertukar pandangan berkaitan pengurusan di MKM.



Para delegasi sedang khusyuk  
mendengarkan taklimat MKM

kopertor sekitar Maharashtra dan para pensyarah. Sesi penyampaian taklimat telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah MKM, iaitu Tn. Hj. Idris bin Ismail. Wakil delegasi ini turut membentangkan serba sedikit berkaitan pengurusan VAMNICOM melalui pembentangan. Pelbagai isu serta maklumat yang dibincangkan telah berjaya mencapai matlamat lawatan pada kali ini. Sebelum lawatan berakhir, para delegasi telah dibawa melawat kemudahan-kemudahan yang terdapat di MKM ini.





## Lawatan Delegasi Dari FSBK Se-Jakarta

Delegasi yang diketuai oleh Ir. Endro Praponco telah tiba di MKM pada 21 November 2011. Lawatan sehari ini disertai seramai 80 orang peserta dari Forum Sinergi Bisnis Koperasi (FSBK) Se-Jakarta, bertujuan untuk melawat serta mempelajari pengurusan koperasi di negara ini.

Pn. Norwatim binti Abd Latiff, Pengarah Pusat Antarabangsa selaku wakil kepada Ketua Pengarah berserta pegawai-pegawai MKM, menyambut

ketibaan para delegasi dengan memberi penerangan serta maklumat berhubung peranan MKM di negara ini. Sewaktu sesi perbincangan, para delegasi begitu bersemangat bertanyakan soalan kepada wakil MKM yang berlangsung hampir 2 jam. Seterusnya, para delegasi dibawa melawat ke Mini Market Koperasi MKM dan Perpustakaan MKM sebelum ke jamuan makan. Lawatan berakhir pada jam 12.30 tengah hari.



Pn. Norwatim binti Abd Latiff (kini) memberikan taklimat kepada para delegasi



Sebahagian para delegasi yang hadir



# Program Sangkutan di Swedish Cooperative Group dan Pembentangan Penyelidikan di ICA Research Conference 2011

Swedish Cooperative Union (KF) merupakan gabungan 44 koperasi pengguna di Sweden yang menjalankan perniagaan runcit. KF mempunyai dua bidang perniagaan utama - kumpulan kedai runcit (Grocery Retail Group) dan kumpulan Media (Media Group). Dua pegawai MKM iaitu Pn. Norwatim Abd. Latiff dan Pn. Ayu Diana Awang telah menjalankan program sangkutan di KF pada 18-23 Ogos 2011. Program yang berlangsung selama 5 hari itu telah memberikan satu pengalaman dan pendedahan tentang kejayaan koperasi peruncitan di Sweden. KF memegang 21.4% syer pasaran peruncitan negara tersebut

Selepas menjalankan program sangkutan di KF kami telah menyeberang Lautan Baltic untuk ke Mikkeli, Finland untuk membentangkan hasil penyelidikan Tahap Keusahawanan Koperasi di Malaysia. Ini merupakan satu lagi peluang untuk meningkatkan imej MKM di kalangan koperasi di peringkat antarabangsa selaras dengan visi MKM iaitu menjadi pusat latihan koperasi bertaraf dunia. ICA Research Conference 2011 yang bertemakan "New Opportunities for Cooperatives" telah berlangsung pada 24-27 Ogos 2011 telah dihadiri lebih daripada 300 penyelidik dan pensyarah dari pelusuk dunia. Masing-masing membentangkan kertas penyelidikan yang dibahagikan mengikut 'track'. Kertas penyelidikan Tahap Keusahawanan Koperasi di Malaysia diletakkan di track 1 yang bertajuk *Co-operative diversity and different types of success*.

Di samping membentangkan kertas kerja, pegawai berkesempatan untuk menimba pengalaman daripada penyelidik-penyelidik lain dan mengenali koperasi di Finland secara lebih dekat dengan mengikuti program diatur oleh persidangan.

- Ayu Diana -



Pn. Norwatim (kanan) mendengar taklimat daripada pengurus Coop Nara



Sesi pembentangan hasil penyelidikan



Coop Forum merupakan hypermarket milik Swedish Cooperative Union



Perasmian ICA Research Conference



## Persidangan Antarabangsa "The Social Economy Corporate Responsibility, Partnership & Private Property, Workers' Rights, Cooperatives & The Social Economy"

Persidangan Antarabangsa "The Social Economy Corporate Responsibility, Partnership & Private Property, Workers' Rights, Cooperatives & The Social Economy" merupakan satu persidangan yang dianjurkan oleh International Institute for the Sociology of Law pada 06-08 Julai 2011, bertempat di Onati (Gipuzkoa) Spain.

Persidangan ini dianjurkan untuk membolehkan penyelidik dari merata dunia terutamanya dari Benua Eropah untuk berkumpul dan bertukar-tukar fikiran serta membentangkan penyelidikan mereka. Isu utama yang difokuskan di dalam persidangan ini adalah perkara yang berkaitan dengan Sosial Ekonomi secara amnya. Secara khususnya penyelidikan yang berkaitan dengan Sosial Ekonomi dan Koperasi, Sosial Ekonomi dan Pekerja, Tanggungjawab Sosial Organisasi dan Kerjasama Syarikat dan Kerajaan dalam meningkatkan Ekonomi Negara dibentangkan oleh penyelidik yang datang dari serata dunia seperti dari Negara Sepanyol, United Kingdom, Kanada dan Malaysia.

Persidangan ini dihadiri oleh lebih dari 120 orang yang datang dari 20 negara dari serata dunia di mana 1/3 dari peserta datang dari Negara Basque. Negara seperti United Kingdom, Amerika Syarikat dan Kanada juga tidak ketinggalan menghantar wakil masing-masing.

Satu-satunya wakil dari Benua Asia datangnya dari Malaysia. Malaysia diwakili oleh 2 orang pensyarah iaitu Pn. Farahaini dan Pn. Rafedah dari Pusat Perakaunan dan Kewangan, Maktab Koperasi Malaysia yang membentangkan penyelidikan mereka yang bertajuk "Dividend and Profit Allocation Practices of Performing Cooperatives in Malaysia". - Farahaini



Penulis dengan peserta dari luar negara



Gambar berkumpul dengan semua peserta

## PROGRAM SANGKUTAN DI "BANLAT AGRICULTURE CO-OPERATIVE LIMITED" PETCHABURI THAILAND

Ilmu pengetahuan merupakan faktor terpenting dalam kehidupan manusia bagi mencapai kebahagiaan hidup. Seperti yang digariskan dalam prinsip koperasi iaitu prinsip kelima-Pendidikan, Latihan dan Maklumat, inilah yang menjadi prinsip utama yang dipegang oleh Banlat Agriculture Co-operative Limited kepada anggota-anggotanya. Setiap anggota yang memohon untuk membuat pinjaman dengan koperasi dengan tujuan mengusahakan aktiviti pertanian dikehendaki untuk menghadiri taklimat daripada pengurus koperasi sebelum pinjaman diberikan kepada mereka. Taklimat ini adalah berkaitan dengan bagaimana menguruskan wang pinjaman supaya tidak disalah gunakan oleh anggota-anggota ini.

Ini merupakan sebahagian daripada pengajaran yang diterima oleh pensyarah MKM yang telah dihantar untuk program sangkutan di Thailand. Puan Nasibah Ahmad dan Puan Liyana Tamili telah diberi kesempatan untuk menjalani program sangkutan di Banlat Agriculture Co-operative Limited dari 5hb Jun hingga 14hb Jun 2011. Koperasi ini merupakan sebuah koperasi yang berjaya dalam bidang pertanian yang terletak di daerah Banlat dalam wilayah Petchaburi. Wilayah Petchaburi merupakan kawasan pelancongan bagi negara Thailand kerana berdekatan dengan kawasan pantai.

Aktiviti yang dijalankan oleh koperasi ini adalah aktiviti kredit kepada anggota untuk mengusahakan aktiviti pertanian, aktiviti simpanan dan

deposit sebagai kemudahan simpanan dan pengeluaran wang, aktiviti pengguna dengan membuka pasar mini dan mengadakan tempat pameran untuk menjual barangan pengguna seperti televisyen, mesin basuh, motosikal dan jentera pertanian serta mempunyai sebuah stesen minyak bagi kemudahan masyarakat setempat untuk membeli minyak bagi kegunaan harian, aktiviti kilang beras yang telah memperoleh sijil GMP dan HACCP, aktiviti pasar borong untuk memudahkan anggota menjual produk terus kepada pengguna tanpa melalui orang tengah dan aktiviti tanaman pisang yang mempunyai potensi yang besar kerana pisang ini akan dieksport ke Jepun hasil usaha sama dengan koperasi pengguna di Jepun.

Sebelum bertolak pulang ke Malaysia, peluang diambil dengan melawat ke Co-operative League of Thailand (CLT) yang merupakan badan puncak kepada gerakan koperasi Thailand. Kunjungan pensyarah ini disambut oleh Dr Suwichai Suparanon, Lembaga Eksekutif dan beberapa kakitangan CLT dengan memberi taklimat secara ringkas dan meminta pandangan dan maklum balas hasil program sangkutan yang telah dibuat di Banlat Agriculture Co-operative Limited. - Nasibah -



Aktiviti pertanian telah memberikan hasil yang lumayan kepada Banlat Agriculture Co-operative Limited





# First ICA-Japan Training Course On Quality And Safety Management Of Farm Product

Laporan ini disediakan untuk dikongsi bersama dengan warga Maktab Koperasi Malaysia (MKM) dan semua koperator di Malaysia berkenaan pengalaman En. Ju samsuddin Bin Safian dan En. Mohd Pisah Ali menghadiri kursus **First ICA-Japan Training Course on Quality and Safety Management of Farm Product** pada 17 Julai hingga 31 Julai 2011. Kursus ini dianjurkan oleh The Institute for the Development of Agricultural Cooperation in Asia (IDACA) dan JA Zenchu (Central Union of Agricultural Cooperatives) yang diadakan di Aihara-Machi Machida-Shi Tokyo.

Seramai 25 orang peserta telah menghadiri kursus ini. Majoriti peserta datang dari negara yang tergolong dalam kategori negara membangun seperti negara India, Thailand, Nepal, Vietnam dan Kemboja. Modul kursus yang disampaikan sangat berkesan iaitu gabungan teori di dalam kelas dan praktikal yang dilaksanakan semasa lawatan ke tapak projek pertanian. Antara modul kursus yang disampaikan ialah peranan koperasi dalam memajukan sektor pertanian, pengurusan pemasaran dan pengedaran, kawalan kualiti dan keselamatan produk pertanian dan kaedah membangunkan aktiviti ekonomi di kawasan luar bandar. Manakala penceramahannya pula terdiri daripada pengurus, pegawai pertanian dan anggota lembaga koperasi yang berkhidmat dengan JA Zenchu. Pembelajaran di dalam kelas disokong dengan praktikal dan lawatan ke projek JA yang berhampiran. Antara projek Ja yang dilawati ialah projek JA Kanagawa Seisho dan projek pertanian JA di Nara.

Sepanjang kursus ini kami telah mempelajari dan memperoleh banyak pengalaman. Di sini kami menyimpulkan bahawa terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada kejayaan sektor pertanian yang dimonopoli oleh JA Zenchu antaranya ialah keyakinan anggota kepada kepakaran yang dimiliki oleh JA Zenchu, ketersediaan semua perkhidmatan berkaitan pertanian yang ditawarkan oleh JA Zenchu, jaminan oleh JA Zenchu ke atas produk pertanian yang dihasilkan oleh anggota koperasi, harga produk pertanian yang ditawarkan kepada petani (anggota koperasi) adalah tinggi berbanding yang ditawarkan oleh pihak swasta serta provokasi pihak kerajaan terhadap produk pertanian yang diimport, serta keberkesanan kempen belian produk pertanian dengan tema pembelian produk pertanian yang segar dan selamat. - Ju Shamsudin -



Bersama dengan anggota koperasi mengusahakan tanaman Teh Hijau.



Produk minuman Green Tea yang dikeluarkan oleh JA KANAGAWA



Produk yg dipasarkan di kedai (Direct Sales Shop) milik JA KANAGAWA



Lawatan ke makmal R&D JA KANAGAWA



# From Owen With Love

“Bagaikan sirih pulang ke gagang!” Begitulah yang boleh diibaratkan program sangkutan ke Manchester kali ini. Mana tidaknya, pada tanggal 10 hingga 20 Julai 2011 yang lalu En. Norazlan Hasbullah dan En. Hasrin Abu Hassan buat pertama kalinya menjejaskan kaki di bumi yang menyaksikan kelahiran awal gerakan koperasi di dunia. Dua pegawai MKM tersebut telah dihantar ke *Co-operative Group Limited (CGL)* dengan kerjasama *Co-operative College of Manchester (CCM)*.

Melalui program sangkutan ini, kami telah didedahkan dengan rentetan perjalanan CGL yang bermula pada tahun 1863. CGL telah melalui pelbagai proses transformasi sehingga berjaya berada di kedudukan sekarang. Penggabungan beberapa koperasi pengguna masa lalu adalah antara proses kewujudan CGL. Koperasi ini terlibat dengan beberapa aktiviti perniagaan seperti peruncitan, kewangan, farmasi, perkhidmatan pengebumian, estet dan bidang kepakaran misalnya perkhidmatan perundangan,

perancangan kehidupan, ejen pelancongan, perkhidmatan sokongan, *E-store* dan lain-lain lagi. Berdasarkan laporan 2009, aktiviti-aktiviti tersebut mampu menjana perolehan sebanyak £12.5 bilion dan menjadikan CGL berada di kedudukan pertama dalam senarai koperasi yang berjaya di United Kingdom.

Selain itu, penerangan dan perbincangan bersama pegawai CCM juga turut diadakan. Hasilnya, pelbagai idea dan maklumat berguna yang dapat memberi buah fikiran untuk diadaptasikan oleh MKM. Salah satunya ialah idea untuk mewujudkan arkib koperasi. Idea ini sangat baik untuk dilaksanakan kerana dapat memberi gambaran tentang gerakan koperasi di Malaysia kepada generasi yang akan datang. Selain itu, arkib ini dapat menunjukkan sumbangan serta kepentingan koperasi kepada ekonomi dunia selain nilai dan prinsip-prinsip yang murni kepada kehidupan masyarakat sejagat.

- Norazlan & Hasrin -



Di hadapan Cooperative Group Manchester



Contoh pasaraya koperasi



Tugu Robert Owen iaitu pengasas gerakan koperasi



# Program sangkutan Koperasi Pemborong & Peruncitan Di Ho Chi Minh City, Vietnam

Pada 4 hingga 12 Oktober 2011, dua orang Pegawai Latihan MKM Petaling Jaya iaitu Puan Norhayati Abdul Rahman dan Puan Juliana Yusop telah diberi peluang untuk menjalani program sangkutan di dua buah koperasi yang menjalankan aktiviti pemborongan dan peruncitan di Ho Chi Minh City, Vietnam. Koperasi tersebut adalah Trading Service Cooperatives of 3rd District dan Trading Service Cooperatives of 11th District. Tujuan program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pegawai mengenai kejayaan koperasi tersebut.

Kehadiran Pegawai Latihan telah disambut baik oleh Pengurus Bahagian di Southern Permanent Organization of Vietnam Cooperative Alliance (VCA) iaitu Puan Nguyen Xuan Hanh dan Pegawai Perhubungan Antarabangsa VCA iaitu Encik Hoangthi. Mereka memberikan taklimat mengenai fungsi serta peranan VCA serta sedikit sebanyak maklumat mengenai koperasi yang bakal dilawati.

Menurut Puan Nguyen Xuan Hanh, gerakan koperasi merupakan sektor ketiga yang menyumbang kepada pendapatan negara dan terlibat dalam pelbagai bidang dan aktiviti ekonomi sehingga ada yang mampu mencapai tahap antarabangsa. Beberapa

koperasi yang telah disenaraikan sebagai koperasi besar dan berjaya di Vietnam antaranya adalah Saigon Co-operative, Tan Binh Co-operative, Trading Service Co-operatives of 11th District dan Trading Service Co-operatives of 3rd District (Tricoop). Menurut beliau lagi, sektor koperasi adalah salah satu bidang tumpuan utama pihak kerajaan Vietnam dalam usaha menambah baik pentadbiran sekali gus mengembangkan gerakan koperasi di negara itu. Antara aktiviti yang begitu giat dijalankan oleh gerakan koperasi di negara tersebut adalah bidang pertanian, penternakan, pengangkutan, perkhidmatan dan peruncitan.

Lawatan ke dua buah koperasi peruncitan dan pemborongan telah menemukan Pegawai Latihan MKM dengan pengurus kedua-dua buah koperasi iaitu Encik Nguyen Su dari Trading Service Cooperatives of 3rd District dan Encik Pham Ngoc Khue dari Trading Service Cooperatives of 11th District. Mereka telah memberikan pendedahan kepada Pegawai Latihan tentang pengurusan serta operasi perniagaan peruncitan dan pemborongan dijalankan oleh koperasi masing-masing. Didapati bahawa antara faktor utama kejayaan kedua-dua buah koperasi

pemborongan dan peruncitan ini adalah komitmen yang diberikan oleh warga koperasi termasuk anggota merangkap kakitangan serta pihak pengurusan untuk memasarkan produk-produk yang diborongkan. Selain itu, kedua-dua buah koperasi ini mengambil inisiatif menjalankan aktiviti pemborongan melalui rundingan secara terus dengan pihak pengeluar produk berjenama yang terkenal di peringkat antarabangsa seperti Kimberly Clark, Colgate dan Procter & Gamble selain produk keluaran tempatan oleh syarikat pembuat kopi terkemuka iaitu Trung Nguyen.

Melalui program sangkutan seumpama ini, Pegawai Latihan bukan sahaja mendapat pendedahan tentang gerakan koperasi di peringkat antarabangsa malahan dapat membina rangkaian perhubungan antara koperasi-koperasi tersebut dengan gerakan koperasi di Malaysia yang seterusnya akan membangunkan gerakan koperasi bagi kedua-dua negara. - *Juliana*



Pn. Norhayati menyampaikan cenderahati kepada En. Pham Ngoc Khue, Pengurus Koperasi Trading Service Cooperatives Of 11<sup>th</sup> District



Pn. Norhayati dan Pn. Juliana bergambar di pejabat Trading Service Cooperatives Of 11<sup>th</sup> District



Pn. Juliana bergambar di gudang penyimpanan barang dari Trading Service Cooperatives Of 11<sup>th</sup> District



# Program sangkutan di Tianjin Baodi District of Supply and Marketing Co-operative, China

Selaras dengan visi MKM untuk menjadi institusi latihan koperasi yang bertaraf dunia, pelbagai usaha telah dan sedang dijalankan terutama dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai akademik MKM. Antara usaha yang dilaksanakan adalah menghantar pegawai-pegawai akademik dalam program sangkutan ke beberapa negara terpilih di dunia. China adalah merupakan salah satu negara terpilih tersebut. Sehubungan itu, dua orang pegawai akademik telah mengikuti program sangkutan di Tianjin, China iaitu Pn. Siti Fatimah Sajadi dari Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (INFOTEC) dan Pn. Aishah Ariffin dari Pusat Pentadbiran, Perundangan dan Kepimpinan Koperasi (CALL).

Program sangkutan ini telah dijalankan selama 9 hari bermula dari 19 hingga 27 September 2011. Program ini telah mendapat kerjasama dari pihak *International Co-operative Exchange Center of China (ICECC)*, sebuah organisasi yang fungsinya seperti MKM iaitu terlibat dalam memberikan pendidikan dan latihan kepada koperasi. Bidang pemasaran dan pengedaran produk pengguna yang meliputi produk koperasi merupakan fokus program sangkutan kali ini. Sehubungan itu, pihak ICECC telah mengaturkan lawatan ke beberapa organisasi yang bertanggungjawab dalam melaksanakan aktiviti pemasaran produk pengguna di China.

Dari Beijing China, pegawai MKM terlibat telah dibawa ke tempat sangkutan sejauh 140km ke satu daerah di China iaitu Tianjin dengan menaiki keretapi laju dengan kepantasan mencapai 300 km sejam. Perjalanan adalah selama setengah jam dengan kereta api laju dan seterusnya menaiki van selama satu jam untuk sampai ke destinasi yang dituju. Destinasi atau tempat sangkutan yang dimaksudkan ialah *Tianjin Baodi District of Supply and Marketing Co-operative*. Koperasi ini bertanggungjawab

membuat pengedaran dan pemasaran produk-produk pengguna serta mempunyai tempat pengumpulan, pembungkusan dan pengedaran produk-produk pertanian koperasi di sekitar Tianjin yang mempunyai 12 juta orang penduduk melalui penubuhan subsidiya iaitu *QuanBao Co. Ltd.*

Antara projek atau aktiviti yang dilaksanakan oleh *QuanBao* dalam bidang pengedaran dan pemasaran produk-produk pengguna adalah *Mall/hypermarket QuanBao*, *Pasaraya QuanBao*, dan gudang serta pusat pembungkusan *QuanBao*. Pegawai MKM yang menjalani sangkutan telah berpeluang mendapat pendedahan dan menimba ilmu pengetahuan melalui maklumat yang diperoleh secara langsung dari lawatan, tinjauan, temu bual dan pemerhatian yang dilakukan di tempat sangkutan.

“Kejujuran dan inovasi untuk kepuasan pelanggan” merupakan moto atau prinsip di dalam pengurusan bisnes *QuanBao*. Melalui pengurusan dan pengendalian aktiviti pengedaran dan pemasaran yang cekap dan berkesan, *QuanBao* mampu menyesuaikan diri dan bersaing dalam suasana semasa yang mencabar dan telah menempa pelbagai kejayaan. *Quanbao* telah dinamakan sebagai *Enterprise Koperasi Pengedar dan Pemasar Kebangsaan* selama tiga tahun berturut-turut. Pelbagai anugerah dan pengiktirafan lain yang diperoleh *QuanBao* telah menjulang nama *QuanBao* yang diiktiraf sebagai jenama dan identiti Tianjin yang popular dan membanggakan.

– Siti Fatimah –



Bersama pegawai kanan *Tianjin Baodi District of Supply and Marketing Co-operative* di hadapan *Quanbao Supermarket*



Meninjau produk keluaran *Quanbao Supermarket*



Produk jenama *Quanbao*



# Seminar

## Transformasi Koperasi Menjana Ekonomi Negara

Gerakan koperasi di Malaysia sudah bertapak hampir 90 tahun semenjak penubuhan koperasi pertama di Tanah Melayu pada tahun 1922. Sejak dari itu dapat dilihat perkembangan positif dalam gerakan koperasi iaitu dari sudut keanggotaan mahupun bilangan koperasi. Dalam era globalisasi ini gerakan koperasi seharusnya merancang pelan transformasi ke arah perniagaan yang lebih berdaya saing seiring dengan lain-lain perniagaan yang wujud. Perubahan dalam ekonomi, politik dan persekitaran termasuklah proses liberalisasi pasaran, kemunculan teknologi baru dan perkembangan ICT menuntut koperasi memperkukuhkan kedudukan dan meningkatkan daya saing dan daya tahan.

Transformasi Koperasi Menjana Ekonomi Negara merupakan tajuk seminar yang telah diselenggarakan oleh Pusat Keusahawanan Koperasi dan Peruncitan (ReCEnt) pada 12 -13 September 2011. Seminar selama dua hari ini telah diadakan di Pulau Langkawi, Kedah. Program ini telah berjaya menarik penyertaan peserta dari sekitar Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Seramai 253 orang peserta telah menyertai seminar ini yang kebanyakannya terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), pengurus dan kakitangan koperasi, pegawai-pegawai agensi kerajaan yang terlibat dalam pembangunan koperasi dan anggota koperasi. Turut hadir sama di dalam seminar tersebut adalah wakil-wakil dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Kedah dan Perlis.

Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan terhadap perkembangan semasa perniagaan koperasi ke arah penjana ekonomi melalui bidang-bidang utama ekonomi Negara di samping dapat membincang dan memberi pendedahan terhadap peluang-peluang perniagaan yang boleh diceburi oleh gerakan koperasi. Selain itu juga, seminar ini dapat menyediakan landasan untuk koperasi membina jaringan dengan agensi, syarikat dan usahawan yang terlibat dalam perniagaan yang boleh menjana pendapatan koperasi.

Sepanjang dua hari program seminar berlangsung terdapat lima pembentangan kertas kerja mengenai transformasi koperasi dimulai dengan pembentangan oleh dua orang ahli panel untuk sesi pertama dan diakhiri dengan pembentangan oleh Dr. Ridhuan Tee Abdullah. Pelbagai soalan, pandangan dan cadangan telah dikemukakan oleh para peserta sepanjang sesi soal jawab berlangsung. Di samping penglibatan aktif para peserta, pembentangan yang berkesan telah berjaya memberikan impak yang positif kepada semua peserta yang hadir dalam usaha memastikan kejayaan koperasi dan anjakan minda koperator agar koperasi dapat menjana ekonomi Negara. Berikut merupakan senarai nama penceramah yang terlibat di dalam sesi pembentangan kertas kerja. - *Norhayati* -



Dr. Jamilah binti Din,  
Pegarah ReCEnt MKM  
menyampaikan ucapan





## “INNOVATING COOPERATIVE BUSINESS WITH INTERNET TECHNOLOGY”

Singapore National Cooperative Federation (SNCF) sekali lagi telah menganjurkan *The 3rd ICA/SNCF Business Seminar for Cooperative Leader* di bawah *The Leader in Executive Development Program* dengan kerjasama International Cooperative Alliance (ICA). Program yang berlangsung selama 3 hari ini bermula dari 5 hingga 7 Oktober 2011 bertempat di RELC International Hotel, Singapura dihadiri oleh seramai 25 orang pemimpin koperasi mewakili koperasi dari negara-negara Asia seperti Malaysia, Filipina, Indonesia dan India selain daripada Singapura sendiri.

Matlamat utama seminar adalah untuk memberi peluang kepada pemimpin dan pengurusan kanan koperasi mempelajari bidang baru dalam E-Dagang untuk mengembangkan perniagaan koperasi. Selain daripada itu melalui seminar ini perkongsian pengalaman serta pelbagai model E-Dagang serta aplikasi yang terbaik dalam konteks media sosial untuk jenama koperasi serta produk perkhidmatannya turut terlaksana. Secara khususnya program ini membolehkan peserta:

1. Mempelajari kelebihan dan bidang baru dari E-Dagang bagi memenuhi kehendak pelanggan.
2. Mengkaji pelbagai perniagaan yang boleh dilakukan melalui E-Dagang dan model pulangan yang diadaptasi oleh kebanyakan organisasi.
3. Mengkaji kelebihan dan trend semasa Media Sosial masa kini.
4. Mempelajari penggunaan dan pelaksanaan aplikasi Media Sosial.
5. Memahami bagaimana mengaplikasikan penggunaan komputer mobile dalam perniagaan.

Dalam sesi perkongsian pengalaman, dua orang pakar dari Jepun dan Singapura telah diundang untuk menceritakan pengalaman mereka menggunakan E-Dagang dalam memasarkan dan mempromosikan produk serta perkhidmatan koperasi mereka. Pakar-pakar tersebut adalah:

- Mr. Nobuhisa Mogi, Pengurus Bahagian, Bahagian Perancangan Perniagaan IT, Japanese Consumers' Co-operative Union bertajuk "E-Commerce and Social Network of Japanese Consumer Co-ops" dan
- Ms. Tan Huey Ling, Pengurus Operasi dari NTUC Fairprice Co-operative LTD bertajuk "Sales and Strategy of Fairprice's Online Shopping Site"

Pelbagai maklumat serta ilmu baru dapat ditimba oleh peserta sepanjang Bengkel ini. Di akhir program peserta dibawa melawat Pasar raya NTUC Fairprice bagi melihat sendiri kejayaan yang telah pasar raya ini kecapai sejak penubuhannya. Malaysia diwakili oleh dua orang penyarah iaitu Pn. Rahimah Abd. Samad dan Pn. Azlifah Abas. - *Rahimah* -



Penulis (kiri) bersama-sama rakan kumpulan perbincangan dari Indonesia dan Singapura

Bergambar kenangan bersama peserta-peserta



# “REGIONAL CO-OPERATIVE RESEARCH SEMINAR FOR ASIA PACIFIC”

Seminar ini dianjurkan oleh Jawatankuasa Penyelidikan, ICA Asia Pacific di mana MKM adalah anggota jawatankuasa ini. Dua orang pegawai MKM iaitu Pn. Julia Bee Ramjan dan Pn. Norhayati Abdul Rahman telah mewakili MKM. Seminar ini dianjurkan bersama dengan KIIT School of Rural Management, KIIT University (Kalinga Institute of Technology University) Bhubaneswar, Odissa India. Seminar diadakan untuk membentangkan hasil kajian dan berkongsi hasil penemuan kajian yang telah dijalankan oleh ahli-ahli ICA. Tema seminar mengenai aktiviti dan inisiatif dalam menangani isu iklim global dan ancaman makanan global. Sebanyak 12 kertas kerja penyelidikan telah dibentangkan termasuk penyelidikan dari MKM iaitu “Success of Cooperative in Malaysia and Training Needs of Cooperative Leaders” oleh Pn. Julia Bee Ramjan (Timbalan Pengarah Pengurusan MKM) dan Pn. Norhayati Abdul Rahman (Pensyarah MKM).

Hasil penyertaan dari seminar ini beberapa isu telah dibincangkan mengenai perubahan cuaca dan pengeluaran makanan menjadi agenda global yang perlu dihebahkan kepada gerakan koperasi. Di India, langkah-langkah telah diambil untuk memperkasakan koperasi untuk terlibat dalam aktiviti pertanian dengan memberi kemudahan kredit, latihan dan lain-lain bantuan

infrastruktur. Di Malaysia terdapat 842 koperasi asas tani yang boleh diperkasa untuk menyumbang kepada bekalan makanan negara di samping membendung isu kenaikan kos sara hidup. Pegawai MKM juga telah berpeluang berjumpa Pengarah KIIT School of Rural Management (KSRM) iaitu Prof Dr LK Vaswani. KSRM menawarkan program “MBA in Rural Management” secara sepenuh masa (2 Tahun) dan separuh masa (3 Tahun). KSRM juga mengadakan jaringan dengan Asian Institute Of Technology Bangkok (AIT), di mana pelajar dari KSRM akan menjalankan latihan selama satu bulan di AIT. Hasil daripada perjumpaan ini didapati ada peluang untuk MKM mengadakan jaringan dengan KSRM dalam aktiviti penyelidikan dan latihan. - Norhayati -



Pn. Julia Bee Ramjan membentangkan kertas kerja penyelidikan dari MKM

Peserta seminar “Regional Co-operative Research Seminar for Asia Pacific





# MAJLIS SAMBUTAN ULANG TAHUN MKM KE -55







**MAJLIS  
SEKALUNG BUDI  
YM HJH  
RAJA MAIMON  
RAJA YUSOF  
(Mantan Timbalan  
Ketua Pengarah  
Akademik)**



**KURSUS  
TEAM BUILDING,  
BUKIT GAMBANG  
RESORT CITY,  
KUANTAN PAHANG**


28.09.2011





**WAWANCARA  
MKM DI TV  
ALHIJRAH  
DR. JAMILAH  
BINTI DIN.  
PENGARAH  
PUSAT MKM**

04.11.2011



**LAWATAN  
KE INSTITUT  
INTEGRITI  
MALAYSIA**

02.11.2011





Info • Galeri

**PROGRAM KHIDMAT  
MASYARAKAT  
AGIH DAGING  
KORBAN KEPADA  
ANAK-ANAK YATIM  
DAN FAKIR MISKIN**

09.11.2011



**PROGRAM  
KHIDMAT  
MASYARAKAT  
MKM**

10.11.2011





**MAJLIS PERHIMPUNAN  
DWI BULANAN  
BERSAMA YB. DATUK  
ROHANI HJ. ABDUL  
KARIM, TIMBALAN  
MENTERI PDNKK**

18.11.2011



**MAJLIS  
PERASMIAN  
MENU 1  
MALAYSIA  
OLEH TIMBALAN  
MENTERI PDNKK**

18.11.2011





# KURSUS PENGURUSAN MAJLIS RASMI & PROTOKOL 24-25.10.2011



KURSUS PENGURUSAN MAJLIS RASMI & PROTOKOL  
SERTA  
PENAMPILAN DIRI & IMEJ  
24<sup>th</sup> - 25<sup>th</sup> OKTOBER 2011

ANJURAN  
MAJLIS KOPERASI MALAYSIA





# Seminar Aspirasi Koperasi 2011



Pada 10 dan 11 November 2011, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) telah mengunjurkan program Seminar Aspirasi Koperasi bertemakan "Pemimpin Peneraju Transformasi Koperasi", bertempat di Hotel Grand Dorsett, Subang Jaya Selangor.

Objektif seminar ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai isu-isu penting yang berkaitan dengan kepimpinan dalam koperasi, memberi kesedaran tentang keperluan untuk meningkatkan pemantapan keupayaan dan kebolehan pemimpin ke arah transformasi koperasi serta membantu pemimpin koperasi untuk merealisasikan matlamat Dasar Koperasi Negara untuk menjadikan sektor koperasi sebagai penyumbang kepada ekonomi negara.

Seramai 307 orang peserta yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin koperasi dan pegawai-pegawai kerajaan yang menyelia koperasi telah menyertai seminar ini.

Seramai tiga pembentang dan dua orang ahli panel forum telah terlibat dalam seminar ini. Sesi pembentangan pertama dimulakan oleh YM. Hajah Raja Maimon binti Raja Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Akademik), Maktab Koperasi Malaysia dan Encik Shahron Anuar bin Said, Pegawai Latihan di Pusat Perakaunan dan Kewangan, Maktab Koperasi Malaysia. Di dalam pembentangan kertas kerja yang bertajuk Pemimpin Sebagai Peneraju Transformasi Koperasi, beliau telah menerangkan persepsi Anggota Lembaga (ALK) di kalangan koperasi berjaya terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan sesebuah koperasi hasil dapatan daripada Kajian "Attributes and Perceived Success Factors of Performing Co-operatives in Malaysia".

Seterusnya, para peserta diraikan dengan Majlis Makan Malam bersempena dengan Ulang Tahun Maktab Koperasi Malaysia Ke-55.

Perasmian Seminar Aspirasi Koperasi dan Majlis Ulang Tahun MKM Ke-55 ini telah disempurnakan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob.

Pada hari kedua, kertas kerja yang bertajuk Jejak Kejayaan Koperasi, Pemimpin Peneraju Transformasi Koperasi telah disampaikan oleh Tuan Haji Othman bin Abdullah, Anggota Lembaga (ALK) Koperasi Adik Kakak Kg. Pulau Rusa Kuala Terengganu Berhad (KODIKA). Beliau telah berkongsi sejarah, pengalaman dan kejayaan yang telah diperoleh oleh KODIKA yang telah bermula dengan Tabung Simpanan dan Pinjaman Kg. Pulau Rusa (TSP) diikuti dengan penubuhan koperasi pada tahun 1994 sehinggalah pencapaian koperasi sekarang.

Pembentangan kertas kerja yang ketiga telah disampaikan oleh Puan Hajah Hawa binti Mohamed Salleh, Timbalan Pengerusi Eksekutif, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan tajuk Kepimpinan dan Transformasi Koperasi Daripada Perspektif Dasar Koperasi Negara. Terdapat beberapa isu-isu kepimpinan dalam koperasi hasil daripada pemeriksaan audit terhadap koperasi telah diketengahkan antaranya berkaitan dengan kualiti kepimpinan, tadbir urus dan pengurusan kewangan.

Selesai sahaja kertas kerja ketiga, acara kemuncak seminar diteruskan dengan sesi forum "Transformasi Koperasi: Sejauh Mana Peranan Pemimpin?" yang disampaikan oleh Presiden ANGKASA, Prof. Dato' Dr. Mohd Ali bin Haji Baharum dan Dato' Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim, Pengerusi Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) serta Prof. Dr. Rosmimah bt. Mohd Roslin, Ahli Lembaga Pengarah Maktab Koperasi Malaysia selaku moderator pada sesi forum tersebut.

Sepanjang seminar berlangsung, sebanyak 11 pempamer yang terdiri daripada koperasi-koperasi telah mengambil bahagian untuk mempamerkan produk-produk keluaran mereka.

Secara keseluruhannya, seminar selama 2 hari 1 malam ini telah berjaya mencapai objektif yang diharapkan. Para peserta seminar telah mendapat banyak manfaat dan kesedaran tentang keperluan untuk meningkatkan pemantapan keupayaan dan kebolehan pemimpin ke arah transformasi koperasi. - Nor Arma -



Pendaftaran peserta

Sambutan yang amat menggalakkan daripada koperator





# Seminar

## Pemantapan Rantaian Nilai Dalam Bidang Keberhasilan Utama Koperasi

**P**ada 27 hingga 28 Julai 2011 telah berlangsung seminar bertemakan “Pemantapan Rantaian Nilai Dalam Bidang Keberhasilan Utama Koperasi”, bertempat di Hotel Promenade, Kota Kinabalu, Sabah anjuran Maktab Koperasi Malaysia, Cawangan Sabah.

Seminar ini dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Yahya Hussin, Timbalan Ketua Menteri Sabah merangkap Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah dan Pengerusi Majlis Perundingan Koperasi Peringkat Negeri Sabah (MPKN). Seramai 234 orang peserta yang terdiri daripada koperator, pegawai-pegawai agensi kerajaan dan individu berminat menyertai seminar selama dua hari ini. Objektif seminar ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman koperasi mengenai rantaian nilai, mempromosikan lima bidang keberhasilan utama koperasi, membolehkan peserta/koperasi merebut peluang perniagaan

dalam rantaian nilai yang dikenal pasti dan mewujudkan jaringan kerjasama atau rangkaian perniagaan dalam kalangan peserta.

Terdapat lima kertas kerja yang dibentangkan dan sebuah bengkel berjalan sepanjang tempoh seminar berlangsung. Sesi pembentangan pertama dimulakan oleh Tuan Hj. Saiful bin Hj. Omar Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Sabah dengan kertas kerja bertajuk “Lima Bidang Keberhasilan Utama Aktiviti Ekonomi Koperasi”.

Kertas kerja kedua bertajuk “Rantaian Nilai: Aktiviti Pemborongan dan Peruncitan” dibentangkan oleh En. Talik @ Stanley Budas, Penolong Setiausaha Anggota Lembaga Koperasi Majlis Daerah Keningau (KOMART). - *Norawati* -



Pendaftaran peserta



Tn. Hj. Hassan bin Ahmad (kiri) menyampaikan cendermata kepada YB. Datuk Seri Paglima Haji Yahya Hassan (kanan)



# BICARA TOKOH: “INOVASI KOPERASI : PERUNCITAN DAN PEMBORONGAN”

Dalam menyusuri arus transformasi, keinginan masyarakat untuk mengalami dan merasai perubahan terus mendapat sokongan dan perhatian. Rata-rata organisasi, kementerian mahupun penduduk Malaysia sendiri menginginkan kepada perubahan tidak kira apa jua sektor ataupun bidang bagi menjamin kehidupan yang lebih bermanfaat dan terjamin. Hal ini juga terjadi kepada pertubuhan koperasi di Malaysia sendiri di mana pelbagai inisiatif telah dijalankan ke arah mencapai matlamat transformasi tersebut. Terkini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan telah menjana plan transformasi baru iaitu “Program Transformasi Kedai Runcit”. Walaupun program ini terbuka kepada semua usahawan di Malaysia, namun para koperator juga digalakkan untuk mendalami bidang peruncitan dan pemborongan ini di samping bersedia untuk melakukan inovasi di dalam aktiviti peruncitan dan pemborongan di koperasi mereka.

Selaras dengan itu, bagi memastikan para koperator tidak ketinggalan dengan arus pembangunan semasa, Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Utara telah mengambil langkah dengan menjayakan suatu lagi program berbentuk ilmiah iaitu Bicara Tokoh.

program kali ini lebih menitikberatkan kepada perubahan di dalam aktiviti perniagaan koperasi itu sendiri. Justeru tajuk Bicara Tokoh yang telah dipilih adalah “Inovasi Perniagaan Koperasi Peruncitan dan Pemborongan”. Tajuk tersebut telah dipilih adalah berdasarkan kepada trend perniagaan masa kini dan juga program inovasi yang diuar-uarkan oleh Kementerian kepada para peruncit dan pemborong khususnya koperasi demi penambahbaikan kepada perniagaan mereka serta bagi koperasi yang berminat untuk menjalankan aktiviti peruncitan dan pemborongan tersebut.

Program Bicara Tokoh yang telah diadakan pada 20 Oktober 2011 baru-baru ini

di Hotel Holiday Villa, Alor Setar telah sedikit sebanyak membuka mata dan minda para koperator tentang kebaikan dan kepentingan menceburi aktiviti peruncitan dan pemborongan tersebut yang sememangnya menjamin masa depan koperasi sekiranya dijalankan dengan betul dan bersungguh-sungguh. Pada program tersebut juga, pihak Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Utara telah menjemput dua orang tokoh berpengalaman iaitu Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Kedah iaitu Tn. Hj. Zainun Hamzan bin Stapa dan Pengerusi Koperasi Gula Perlis Berhad iaitu Tn. Hj. Abdul Shukor bin Sultan bagi berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam menjalankan aktiviti peruncitan dan pemborongan mengikut kaedah yang betul. Bagi melengkapkan program tersebut juga, pihak Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Utara telah menjemput YM Pn. Hjh Raja Maimon binti Raja Yusuf iaitu Timbalan Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia bagi merasmikan program dan seterusnya merangkap moderator sesi sepanjang program tersebut berlangsung. Seramai 160 peserta yang terdiri di kalangan para koperator dan agensi-agensi dari negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak Utara telah hadir memenuhi jemputan.

Justeru, adalah menjadi harapan Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Utara dalam usaha memastikan para koperator khususnya di wilayah utara agar terus berdaya maju dengan memperoleh segala ilmu dan pengetahuan seiring dengan arus pembangunan semasa demi mencapai kejayaan koperasi bukan sahaja di Malaysia, malahan di mata dunia. Di samping menghayati sambutan ulang tahun Maktab Koperasi Malaysia yang ke-55 tahun serta usaha-usaha yang berbentuk keilmuan yang telah dijalankan, maka program sebegini akan diteruskan dari semasa ke semasa bagi memastikan para koperator terus mendapat hanya yang terbaik dari Maktab Koperasi Malaysia demi untuk kejayaan bersama. InsyaAllah.

- Norafidah -



Para koperator dari pelbagai koperasi



Panel pembentang



## Bicara Eksekutif:

# Pembiayaan Mikro Pemangkin Ekonomi Anggota dan Masyarakat

Ipoh merupakan sebuah bandar raya indah yang menjadi ibu negeri bagi Negeri Perak Darul Ridzuan. Bandaraya Ipoh yang terletak di daerah Kinta menjadi pusat pentadbiran bagi negeri tersebut. Terletak kira-kira 200km dari bandar raya Kuala Lumpur, Ipoh telah dipilih sebagai destinasi pilihan bagi mengadakan program Bicara Eksekutif kerana lokasinya yang strategik, iaitu di tengah bahagian utara semenanjung Malaysia. Program yang julung kali dianjurkan oleh pusat Perakaunan dan Kewangan (ACTIF) MKM bagitahun 2011 ini telah diadakan bertempat di Tower Regency Hotel & Apartment.

Selaras dengan saranan kerajaan Malaysia yang menggalakkan agensi-agensi kerajaan untuk turun ke peringkat akar umbi bagi menyelami kehidupan masyarakat, MKM melalui Pusat ACTIF telah menyahut saranan tersebut dengan menganjurkan sebuah program bermanfaat di luar bandar raya Kuala Lumpur. Tujuannya adalah untuk memberi peluang anggota masyarakat khususnya koperator di bahagian utara Malaysia untuk turut serta dalam program yang dianjurkan ini. Segala penat lelah yang disumbangkan dalam menjayakan program ini ternyata berbaloi apabila sambutan hangat diberikan oleh kira-kira 220 hadirin yang datang dari tempat berdekatan dengan bandar Ipoh.

Pembiayaan melalui sistem Kredit Mikro yang diperkenalkan di Malaysia dengan projek perintis pada 1986 telah berkembang sebagai satu pendekatan efektif bagi membantu mengatasi masalah kemiskinan dan seterusnya mempertingkatkan taraf kehidupan masyarakat di negara ini. Sama ada untuk golongan berpendapatan rendah di bandar atau luar bandar, penyaluran kredit mikro ini adalah bertujuan untuk menambah pendapatan mereka dengan menyediakan sumber pinjaman bagi memulakan perniagaan secara kecil-kecilan. Sehingga kini telah ramai anggota masyarakat yang menyertai program ini telah berjaya keluar dari kemiskinan dan berjaya meningkatkan taraf ekonomi mereka ke tahap yang membanggakan. Program pembiayaan kredit mikro kini adalah merupakan antara teras utama Kerajaan untuk membela nasib semua golongan rakyat yang memerlukan bantuan, supaya

mereka dapat bersama menyertai arus pembangunan pesat negara. Sesungguhnya, prinsip inclusiveness ini bertujuan memastikan setiap rakyat bersama menikmati kemakmuran dan kesejahteraan hidup yang berterusan. Justeru, tajuk yang telah dipilih bagi program Bicara Eksekutif kali ini adalah Pembiayaan Mikro Pemangkin Ekonomi Anggota dan Masyarakat.

Objektif program adalah untuk memberi pendedahan mengenai Pembiayaan Kredit Mikro, mengenal pasti kaedah untuk koperasi melaksanakan Pembiayaan Kredit Mikro dengan berjaya, dan berkongsi pengalaman dan kejayaan Koperasi dan sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang telah melaksanakan Pembiayaan Kredit Mikro bersama kumpulan sasaran. Terdiri daripada anggota lembaga koperasi, kakitangan koperasi dan pegawai dari agensi kerajaan dan agensi yang menyelia koperasi, kumpulan sasaran ini adalah diharapkan dapat menimba pengetahuan baru hasil daripada penglibatan mereka kali ini. Turut serta di dalam program adalah sejumlah peminjam skim pembiayaan mikro dari AIM yang digelar sahabat.

Sebanyak empat kertas kerja telah dibentangkan oleh penceramah-penceramah berpengalaman yang telah dijemput oleh Pusat ACTIF yang terdiri daripada wakil SKM, AIM, Koperasi Muslimin dan Sahabat AIM. Antara tajuk-tajuk kertas kerja yang dibentangkan adalah Garis Panduan Mengenai Skim Pembiayaan Mikro Kredit Oleh Koperasi oleh Pn. Hj. Normah dari SKM dan perkongsian maklumat serta pengalaman oleh pembentang kertas kerja yang lain.

Program bicara eksekutif seperti ini adalah diharapkan dapat menambah pengetahuan para koperator yang hadir supaya mereka lebih 'update' dengan perkembangan semasa perniagaan di Malaysia. Ini akan melahirkan koperator yang lebih berdaya saing dan kompetitif bagi menghadapi cabaran dan isu dalam melaksanakan aktiviti perniagaan dalam sektor koperasi.

- Nor Alyani -



# Peluang, Cabaran Dan Hala tuju Peniagaan Pemborongan Dan Peruncitan Dalam Gerakan Koperasi

Pada 16 April 2011 bertempat di Hotel Grand Dorsett, Labuan telah berlangsung program Bicara Eksekutif anjuran Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Sabah. Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Datuk Yunus bin Kurus, Pemangku Ketua UMNO Bahagian Labuan mewakili Yang Berbahagia Datuk Hj. Yusuf bin Mahal, Ahli Parlimen Labuan.

Program bicara eksekutif ini diadakan buat julung pertama kalinya di Wilayah Persekutuan Labuan dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari para koperator seluruh Labuan dan negeri Sabah. Seramai 318 orang peserta menghadiri program ini. Turut hadir, Yang Berusaha Tuan Hj. Idris bin Ismail, Pengarah MKM untuk menyampaikan ucapan aluan program ini. Objektif utama program ini dianjurkan adalah untuk memberi peluang kepada gerakan koperasi khususnya di WP Labuan dan Sabah untuk melihat dengan lebih jelas peluang dan hala tuju perniagaan dan pemborongan koperasi.

Seramai dua orang pembentang kertas kerja dari agensi berlainan telah dijemput untuk membentangkan kertas kerja mereka. Pembentang pertama Tuan Haji Saiful Bahri bin Haji Omar yang merupakan Pengarah

Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Sabah membentangkan kertas kerjanya bertajuk "Peluang, Cabaran dan Hala tuju Padan Niaga Pemborongan dan Peruncitan Dalam Gerakan Koperasi negeri Sabah". Pembentang membawa para peserta untuk bersama-sama memahami untuk bersama-sama memahami Dasar Koperasi Negara 2011-2020 yang mana mampu menambahkan keberhasilan aktiviti ekonomi Negara khususnya kepada sektor koperasi.

Dalam sesi pembentangan, para peserta dapat memahami senario semasa yang berlaku dalam gerakan koperasi khususnya di negeri Sabah dan tindakan agensi kerajaan yang terlibat seperti Suruhanjaya koperasi Malaysia dalam menangani masalah yang timbul dalam koperasi masing-masing. Pembentang turut menjelaskan mengenai peluang-peluang baru yang ditawarkan kepada gerakan koperasi untuk direbut seperti program TUKAR yang baru lancarkan.

Pembentang kedua Puan Nursafariza binti Ihsan merupakan Pengarah Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Wilayah Persekutuan Labuan. Pembentang menyampaikan kertas kerjanya bertajuk "Peluang, Cabaran dan Hala tuju Perniagaan Pemborongan dan Peruncitan Dalam Gerakan Koperasi".

Dalam penyampaiannya, pembentang menerangkan mengenai fungsi Kementerian Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan dalam gerakan koperasi. Para peserta dapat memahami prosedur dan langkah kerja yang perlu diambil dan dipatuhi dalam menjalankan aktiviti perniagaan pemborongan dan peruncitan demi kebaikan semua pihak. Pembentang turut menjelaskan mengenai program TUKAR, ATOM dan francais yang disediakan oleh pihak kerajaan dalam membantu gerakan koperasi untuk lebih berdaya saing.

Secara keseluruhannya, program ini berlangsung dengan jayanya. Adalah diharapkan para koperator koperasi khususnya di Wilayah Persekutuan Labuan dan negeri Sabah mengambil peluang yang telah disediakan oleh agensi kerajaan dalam mengembangkan lagi perniagaan khususnya dalam sektor pemborongan dan peruncitan. - *Ridzuan* -



Antara peserta yang hadir



Upacara penyampaian cenderahati daripada Tn. Hj. Idris Ismail kepada Y.B. Datuk Haji Yunus Haji Kurus



Sesi pembentangan dipengerusikan oleh Pegawai Latihan MKM En. Mohd Pisah bin Ali (kanan)



Sesi soal jawab



# “Menjana Pendapatan Koperasi Melalui Perusahaan Sarang Burung Walit”

Sabah ialah sebuah negeri yang kaya dengan keindahan flora dan fauna yang pelbagai. Keindahan serta keunikan tersebut menjadikan Sabah syurga bagi habitat haiwan terutamanya burung. Salah satu spesies burung yang terdapat di persekitaran Sabah ialah Burung Walit iaitu spesies burung yang menghasilkan sarang yang bermutu serta bernilai tinggi dari segi komersial. Menyedari kelebihan yang ada dan potensi perusahaan Sarang Burung Walit yang boleh diterokai sebagai satu perniagaan oleh koperasi, pada 19 November 2011, Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Sabah sekali lagi telah menganjurkan Program Bicara Eksekutif bertempat di Hotel Seafest, Semporna, Sabah dengan tajuk “Menjana Pendapatan Koperasi Melalui Perusahaan Sarang Burung Walit”. Tajuk ini pernah di ketengahkan dalam program yang sama dua tahun yang lalu di Kota Merudu iaitu pekan yang terletak di bahagian Pantai Barat Sabah. Memandangkan sambutan yang memberangsangkan, MKM Sabah mengambil inisiatif sekali lagi mengadakan program dengan mengetengahkan tajuk yang sama tetapi lokasi penganjuran diadakan di Bahagian Pantai Timur Sabah iaitu di Semporna dengan harapan dapat memberi peluang kepada koperasi yang bertempat di bahagian ini memperoleh ilmu dalam bidang perusahaan Sarang Burung Walit.

Program Bicara Eksekutif ini telah dihadiri oleh 120 orang peserta dalam kalangan anggota dan pemimpin-pemimpin koperasi dari seluruh negeri Sabah. Tidak ketinggalan juga mereka dari kalangan individu yang berminat untuk mendalami ilmu perusahaan Sarang Burung Walit. Program ini telah

dirasmikan oleh Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia, Tuan Haji Idris bin Ismail. Turut hadir dalam majlis perasmian tersebut ialah Pengarah MKM Sabah Tuan. Hj. Hassan Hj. Ahmad.

Dalam Bicara Eksekutif kali ini MKM cawangan Sabah telah menjemput dua orang penceramah yang membentangkan kertas kerja mengenai perusahaan sarang burung Walit dan prosedur yang mesti dipatuhi sebelum dan semasa menceburi perusahaan ini. En. Nelson Mosinuh, Pengarah Urusan Gain ForLife Sdn. Bhd, sebuah syarikat yang bergiat aktif memberi latihan dan tunjuk ajar dalam perusahaan Sarang Burung Walit telah berbesar hati membentangkan kertas kerja bertajuk Industri Sarang Burung Walit manakala seorang lagi penceramah En. Silvester Saimin, Pegawai dari Jabatan Hidupan Liar, Sabah telah membentangkan kertas kerja mengenai Prosedur dan Peraturan menceburi perusahaan ini.

Program ini merupakan satu permulaan bagi koperasi yang ingin menerokai dan menceburkan diri dalam perusahaan Sarang Burung Walit dan matlamat utama program ini ialah memberi pendedahan awal berkaitan potensi dan peluang dalam perusahaan Sarang Burung Walit yang boleh direbut oleh gerakan koperasi khususnya di negeri Sabah. Adalah menjadi matlamat MKM melihat gerakan koperasi di Sabah menceburi perusahaan ini memandangkan perusahaan ini dilihat mempunyai potensi yang sangat besar dari aspek peluang dan pasaran.

Dalam sesi ceramah yang disampaikan oleh penceramah, banyak persoalan-persoalan berkaitan perusahaan Sarang Burung Walit dan Prosedur serta peraturan yang harus dipenuhi terlebih dahulu sebelum dan semasa menjalankan perusahaan ini telah dikupas dan diperhalusi. Sepanjang program ini juga banyak persoalan telah dilontarkan oleh peserta antaranya yang berkaitan dengan potensi perusahaan Sarang Burung Walit di Sabah, pasaran dan cabaran. Manakala dari aspek prosedur, peserta telah mengutarakan persoalan-persoalan

seperti bagaimana memohon permit memulakan perusahaan daripada Jabatan Hidupan Liar, prosedur dan peraturan yang perlu dilaksanakan serta galakkan daripada jabatan sendiri kepada koperasi untuk menerokai seterusnya menceburi perusahaan ini.

Akhirnya, para peserta berharap pihak MKM cawangan Sabah dapat meneruskan lagi program seperti ini dalam usaha untuk menyampaikan maklumat terkini berkenaan potensi dan peluang dalam lain-lain perusahaan. Program berakhir pada jam 1.30 petang. - Yusri -



En. Silvester Saimin dari Jabatan Hidupan Liar (kanan)



Pengarah Urusan Gain ForLife En. Nelson Mosinuh (kanan)



Seorang peserta sedang menanyakan soalan semasa sesi soal jawab



Ketua Pengarah MKM tiga dari kiri bersama-sama dengan para hadirin yang menyertai program tersebut



# "Potensi Perniagaan Koperasi Masa Kini: Belangkas dan Ikan Ketutu"

Kewujudan pasaran dengan potensi jualan yang sangat besar bagi industri akuakultur di seluruh dunia amnya, dan di Malaysia khususnya, sudah pasti membuka peluang tidak hanya kepada usahawan dan syarikat Bumiputra tetapi juga kepada koperasi. Menyedari bahawa industri ini sangat menguntungkan dibandingkan bidang pertanian lain, maka Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Selatan (MKMCS) telah menganjurkan satu program Bicara Eksekutif yang bertajuk "Potensi Perniagaan Koperasi Masa Kini: Belangkas dan Ikan Ketutu" yang berlangsung pada 11 Oktober 2011 di Hotel Katerina, Batu Pahat, Johor.

Program separuh hari ini telah berjaya menarik hampir 80 orang peserta yang kebanyakannya terdiri daripada koperator di sekitar Johor dan Melaka. Turut hadir ialah wakil-wakil dari pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YM Pn. Hajah Raja Maimon binti Raja Yusof, selaku wakil Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia (MKM). Dalam ucapannya, beliau telah menegaskan lagi tentang peranan MKM dalam memacu gerakan koperasi untuk terus relevan seiring dengan peredaran masa dalam usaha merealisasikan hasrat kerajaan terhadap Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020. Beliau juga menyokong koperasi untuk

menceburi bidang akuakultur sebagai satu lagi pilihan untuk menjana pendapatan dan meningkatkan aktiviti ekonomi koperasi yang sedia ada. Bagi membicarakan topik tersebut, dua orang penceramah telah dijemput iaitu En. Ahmad bin Mustafa, usahawan Belangkas dari Ahmad Mustafa Belangkas Enterprise dan En Idris Ahmad, usahawan Ikan Ketutu dari Usahawan Unit Peladang Kg. Teluk, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kota Tinggi Timur yang dipengerusikan oleh Tn. Haji Kasim Bin Yusof, Pengarah MKMCS. Kedua-dua penceramah telah berjaya mencapai objektif program ini dengan memberi pendedahan dan berkongsi pengalaman masing-masing mengenai peluang dan potensi industri ternakan yang diusahakan.

Di akhir program ini, pelbagai persoalan telah dikemukakan oleh koperator dalam sesi soal jawab. Secara keseluruhannya, program ini telah berlangsung dengan jayanya hasil komitmen daripada kesemua koperator dan pegawai MKM dalam menjejaki usahawan ternakan belangkas dan ikan ketutu sebagai penceramah. - Munirah -



Perasmian oleh  
YM Pn. Hajah Raja  
Maimon Binti  
Raja Yusof



Ikan Ketutu




Telur Belangkas



Pengarah MKM CS bersama staf



Penceramah ikan ketutu dan belangkas



Ikan Ketutu



Belangkas



Fokus apa yang disampaikan



Peserta teruja mengemukakan soalan



# KURSUS PENGURUSAN PERUNCITAN

## Kursus Pengurusan Restoran & Katering di Sutera Inn Kota Bharu

Pusat Keusahawanan Koperasi dan Peruncitan (ReCent) telah diamanahkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk menjalankan serta menyelaras Kursus Pengurusan Peruncitan: Restoran dan Katering di Sutera Inn, Kota Bharu Kelantan. Kursus ini berlangsung selama dua hari iaitu bermula dari 12 hingga 13 Julai 2011 yang dihadiri oleh 26 orang daripada seluruh Malaysia. Peserta juga merupakan peniaga-peniaga restoran dan katering yang berskala sederhana dan kecil.

Objektif kursus ini adalah untuk memberi kefahaman tentang prospek perniagaan restoran dan katering serta memberi pengetahuan tentang persediaan dan keperluan untuk menjadi usahawan restoran dan katering yang berjaya. Sepanjang kursus ini para peserta didedahkan dengan topik-topik penting seperti Kenali Perniagaan Anda, Analisis Perniagaan dan Meneroka Peluang Perniagaan Restoran & Katering serta Pengurusan Kewangan. Peserta juga berpeluang mendengar ceramah dan juga tip daripada seorang chef yang terkenal di Malaysia iaitu Dato' Chef Ismail yang turut bersama sebagai penceramah jemputan, pengusaha katerer yang

berjaya iaitu Pasir Pekan Katering dan pemilik restoran yang terkenal di Kota Bharu iaitu "Restoran Nasi Ulam Cikgu". Mereka merupakan usahawan bumiputera yang berjaya dan boleh dibanggakan dalam perniagaan restoran dan katering.

Maklum balas diberikan oleh peserta di mana kursus ini dapat membantu perniagaan mereka untuk lebih maju dan berdaya saing di dalam industri ini agar lebih berjaya di masa hadapan. Program ini juga mendapat sambutan yang menggalakkan dan para peserta juga berharap program seperti ini dapat diteruskan lagi di masa-masa akan datang. - *Norhayati* -



Penceramah Jemputan, En. Abdul Hamid Bin Idris  
dari Restoran Nasi Ulam Kota Bharu



Sebahagian peserta kursus tidak melepaskan peluang bergambar kenangan bersama Dato' Chef Ismail

Penghuluwati menyampaikan cenderahati kepada Pn. Ruhani bt. Halim dari Pasir Pekan Katering (kiri)





## Program Team Building Koperasi Bimbingan MKM

Pada 2-4 Disember 2011, Pusat Konsultasi Maktab Koperasi Malaysia julung-julung kalinya telah menganjurkan program Team Building di Kem Nur Bukit Unggul Jenderam kepada koperasi di bawah bimbingannya. Koperasi bimbingan yang terlibat ialah Koperasi Pengangkutan Putrajaya Cyberjaya Berhad yang menjalankan aktiviti teksi. Seramai 31 orang peserta terdiri dari lembaga, JAD, tenaga kerja dan anggota koperasi telah mengikuti program tiga hari dua malam ini. Fasilitator yang terlibat dalam program ini ialah Tuan Hj. Ramlan Kamsin, En. Mohamad Rasydi Rashid dan Pn. Sharifah Shuzaida Saedin.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk membina semangat peserta untuk menjadi penggerak koperasi yang mampu memberi sumbangan untuk memajukan koperasi ini. Program separa lasak ini diisi dengan aktiviti seperti permainan Flying Fox untuk membina jati diri peserta, aktiviti sukaneka untuk memupuk semangat kerjasama dan mengaplikasikan strategi berkumpulan, aktiviti Ayo Chi Ku Pak untuk membolehkan peserta bersedia dan peka bagi menerima perubahan yang datang mendadak atau tiba-tiba. Sementara aktiviti Traffic Light pula untuk membolehkan peserta bersedia menerima perubahan dalam apa jua keadaan. Aktiviti Lunar Landing untuk mencungkil bakat kepimpinan peserta bagi menyelesaikan tugas dan aktiviti Jungle Tracking pula membolehkan peserta mematuhi segala arahan dan panduan agar berada pada landasan yang betul.

Menurut En. Mohd Salleh Mat Zin, Setiausaha Koperasi KPPCB, pengisian program ini sesuai dengan peserta dewasa yang pelbagai peringkat umur dan mencapai matlamat program. Permainan yang dilaksanakan dapat diterima oleh peserta khususnya yang pertama kali mengikuti program ini dengan rasa gembira dan seronok. Maklum balas yang diterima dari peserta amat menggalakkan khususnya mereka menikmati kemudahan berkoperasi melalui kursus yang diikuti. Impak yang jelas dari program ini ialah peserta program telah bertanya sendiri apa yang boleh mereka bantu untuk memajukan koperasi.  
-Tn. Hj. Ramlan Kamsin-



Pemandangan sekitar kem



Peserta sedang mencuba aktiviti rakit



Peserta sedang menikmati rambutan selepas aktiviti jungle tracking



Berkreativiti permainan Lunar Landing



Penyelaras program En. Mohamad Rasydi menerima cenderamata dari koperasi



Mendengar taklimat permainan Flying Fox



Berjaya melepasi permainan Flying Fox



Peserta bersama fasilitator



# Lawatan Oleh Timbalan Ketua Pengarah Akademik Ke Koperasi Di Wilayah Baling Dan Sik, Kedah

Pada 19 Oktober 2011, satu lawatan ke koperasi negeri Kedah khususnya wilayah Baling dan Sik telah diadakan bersama YM Puan Hajah Raja Maimon binti Raja Yusof selaku Timbalan Ketua Pengarah Akademik MKM PJ. Pegawai yang terlibat dalam lawatan ini terdiri daripada pegawai Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Kedah dan empat orang pegawai dari Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Utara (MKMCU) termasuk Pengarah Cawangan MKMCU. Objektif lawatan ini adalah untuk melihat kejayaan koperasi yang menceburi dalam bidang pertanian. Sebanyak tiga buah koperasi telah dikenal pasti oleh pihak SKM Kedah iaitu Koperasi Felcra Weng Berhad, Koperasi Bela Rakyat (KOBERA) Bayu Baling Berhad dan Koperasi Pekebun Kecil Sik Berhad.

Ketiga-tiga buah koperasi ini merupakan koperasi terpilih di bawah program E-Kasih yang dipantau oleh pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Kedah. Koperasi ini telah mengusahakan tanaman seperti timun, jagung, cili serta beberapa jenis pisang iaitu emas, tanduk dan berangan. Kaedah tanaman yang digunakan pula adalah secara konvensional dan teknologi baru fertigasi. Daripada lawatan dan pemerhatian, Koperasi Pekebun Kecil Sik Berhad dapat dijadikan contoh kerana telah berjaya mengusahakan

tanaman cili fertigasi secara komersial. Sejumlah 5,000 beg pokok cili ditanam menggunakan kaedah fertigasi dan hasilnya koperasi telah meraih keuntungan yang sangat lumayan. Di antara kelebihan kaedah tanaman secara fertigasi adalah lebih produktif, produk berkualiti tinggi, tiada penyakit bawaan tanah, kurang kos operasi, penjimatan baja, mesra alam dan masalah merumpai sangat rendah.

Lawatan ini diakhiri dengan melawat ladang anggur berdekatan dengan Koperasi Beris Berhad, Sik. Ladang anggur ini merupakan salah satu daya tarikan penduduk tempatan dan luar untuk melihat ladang anggur yang terdapat di Malaysia khususnya daerah terpencil di negeri Kedah.

Secara keseluruhannya penanaman kaedah fertigasi merupakan pertanian moden yang mampu menjanakan keuntungan dan berdaya maju kepada koperasi. Selain itu aspek pengurusan yang cekap, ilmu pengetahuan dan kemahiran perlu dimiliki oleh setiap pengusaha bagi memastikan kejayaan dalam penanaman secara fertigasi. - *Salwana* -

Ladang Koperasi Peserta Felcra Weng Baling Berhad pelbagai Tanaman



Lawatan ke Koperasi Pekebun Kecil Sik Berhad- tanaman cili fertigasi



Tanaman timun yang mendatangkan hasil lumayan kepada koperasi



Temu bual bersama Pengurus Projek



Lawatan ke Koperasi Bela Rakyat (KOBERA) Bayu Baling Berhad - pelbagai tanaman



Lawatan ke Ladang Anggur di Sik, Kedah



# Kursus Mesra IT: Google dan Blog

Pada 21 hingga 22 Jun 2011, Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (INFOTEC) dengan kerjasama Unit Sumber Manusia telah mengadakan kursus Mesra IT khusus untuk kakitangan MKM. Kursus ini berlangsung selama dua hari bertempat di Bilik Siber Nano, MKM. Seramai 27 orang wakil dari semua Pusat dan Unit di kampus Petaling Jaya telah menyertai kursus ini.

Objektif kursus ini adalah untuk memberi panduan dan pendedahan kepada kakitangan MKM dalam penggunaan Aplikasi Google dan asas pembangunan blog.

Blog adalah singkatan daripada perkataan 'web log'. Secara amnya web log atau weblog adalah buku log atau buku catatan secara dalam talian (online), sebagaimana sebuah diari yang ditulis setiap hari.

Dengan blog, pengguna boleh menyuarakan pendapat atau idea mereka secara terus ke alam maya. Dengan cara ini mereka mampu membentuk satu komuniti yang mungkin mempunyai idea atau minat yang sama. Kaedah perkongsian idea ini boleh menjana lebih banyak idea yang sudah tentunya banyak itu lebih baik daripada satu.

Blog dapat dikategorikan sebagai e-learning, Rosenberg (2001) dalam tulisannya mengungkapkan bahawa

e-learning merujuk pada penggunaan teknologi Internet untuk mengiriskan paket maklumat yang dapat meningkatkan pengetahuan dan berketerampilan. Sebuah blog dapat dijadikan media belajar interaktif, misalnya sebuah komuniti pensyarah di sebuah institusi membuat blog yang isi atau kandungan sebuah blog berkaitan mengenai subjek dan kepakaran masing-masing.

Blog mudah digunakan oleh sesiapa sahaja dan mudah dikemaskinikan. Ini membolehkan enjin carian mudah meng-index laman web jenis blog ini kerana ia sentiasa dikemaskinikan. Berbeza dengan laman web statik, ia agak sukar untuk dikemaskinikan oleh mereka yang kurang pengetahuan komputer dan pembinaan laman web.

Kaedah carian Google dapat membantu pengguna enjin carian mendapatkan maklumat yang mereka mahukan dengan cara yang mudah dan pantas. Google, yang sering dilanda kontroversi, kerana kerap bertukar peraturan enjin carian serta menambah terma-terma baru dalam dunia enjin carian dunia. Ini bertujuan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna enjin carian bagi mendapatkan hasil carian yang dicari menerusi Google.

Pengguna boleh menggunakan aplikasi Google yang disediakan untuk menguruskan maklumat peribadi dan perancangan yang lebih sistematik. Contohnya aplikasi Google Calendar dapat membantu pengguna membuat dan mengatur jadual dengan kumpulan yang terlibat dengan perniagaan atau projek yang sedang dijalankan. Pengguna dapat menguruskan jadual mesyuarat, jadual kerja, membuat temu janji termasuk menentukan kehadiran ahli terbabit apabila hendak mengadakan mesyuarat.

Semua bentuk aktiviti atau perniagaan pada zaman teknologi pada masa kini bergantung sepenuhnya kepada Internet. Perkara yang penting dalam pemilihan aplikasi yang disediakan di Internet adalah, pertimbangkan cara terbaik yang akan digunakan. Jangan membuang masa dan wang dengan memilih cara yang salah. Diharap dengan adanya Kursus Mesra IT ini dapat memberi pendedahan dan langkah awal dalam menggalakkan lagi kakitangan MKM menggunakan Internet supaya tidak ketinggalan dalam arus perdana. - *Azlifah Abas*-



Sebahagian Pegawai Latihan MKM yang menghadiri kursus



# Ibadah Korban

Ibadah korban adalah sunat mu'akkad atau sunat yang dituntut. Jumhur ulama mengatakan ia adalah sunat bagi mereka yang mampu. Bagaimanapun ia menjadi wajib jika dinazarkan.

Pada hari ini, umat Islam melakukan ibadah korban sebagai tanda ingatan terhadap peristiwa Nabi Ibrahim yang telah mengorbankan anak baginda, Nabi Ismail demi kepatuhan dan ketaatan baginda terhadap perintah Allah. Di samping itu melalui peristiwa ini jelas membayangkan betapa setiap yang hendak dikorbankan itu mestilah sesuatu yang bersifat paling disayangi dan berharga. Ibadah ini juga boleh melatih perasaan individu Muslim agar jangan bersikap bakhil dan kedekut di dalam mengeluarkan harta demi membela dan membantu golongan yang lebih memerlukan seperti orang-orang fakir dan miskin.

Firman Allah Subhanahu Wataala di dalam Surah Al-Hajj ayat 37 yang bermaksud:

**“Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepada-Nya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan takwa dari kamu....”**

Menyedari akan kelebihan ibadah korban itu, maka kita seharusnya berlumba-lumba dan bersegera di dalam melakukannya untuk mendapat keampunan dan keredaaan daripada-Nya, di samping memperbetulkan niat agar segala amalan kita diterima oleh Allah Subhanahu Wataala demi kebahagiaan di akhirat nanti.

Sehubungan itu Badan Kebajikan Kakitangan Islam MKM telah mengambil inisiatif menguruskan ibadah korban bagi kakitangan Maktab Koperasi Malaysia yang diadakan pada 9 November 2011 bersamaan dengan 13 Zulhijjah 4132 iaitu bersamaan dengan hari Tasrik ketiga. Sebanyak 3 ekor lembu telah dikorbankan di mana sepertiga bahagian digunakan untuk jamuan, sepertiga lagi diagih-agihkan kepada warga MKM dan sepertiga lagi diagihkan kepada rumah anak yatim dan orang miskin di sekitar Lembah Klang. Semoga program ini akan dapat diteruskan ditahun-tahun akan datang bagi menegakkan syiar Islam dengan melaksanakan ibadah berkorban untuk meningkatkan darjat takwa kita terhadap Allah SWT.



Warga kerja MKM sedang bergotong royong memotong daging korban



Warga kerja MKM sedang menikmati jamuan minum pagi sup tulang



Tuan Hj Idris Ismail Ketua Pengarah MKM (kanan) sedang menyampaikan sumbangan daging korban kepada penjaga rumah anak yatim al-Rasyid Klang



En. Faisal (kiri) dan En. Ashaari (kanan) wakil BAKIM sedang mengedarkan daging korban



Warga kerja MKM sedang bergotong royong memasak daging korban untuk jamuan makan tengahari



# Minggu Orientasi Pelajar Sijil Pengurusan Koperasi Ambilan Julai 2011



Maktab Koperasi Malaysia (MKM) Cawangan Sarawak telah menganjurkan Minggu Orientasi Pelajar Sijil Pengurusan Koperasi (SPK) Ambilan Julai 2011 pada 17-18 September 2011 di Hotel Grand Continental Kuching. Objektif utama program ini diadakan adalah untuk mengukuhkan jati diri pelajar serta membangunkan bina upaya pelajar baru SPK Ambilan Julai 2011. Perasmian program ini telah disempurnakan oleh Pengarah MKM Cawangan Sarawak sendiri, Pn. Noor Zeeta Mohd Ramli. Ketika menyampaikan Ucapan Perasmian, beliau menyeru semua pelajar baru agar memberikan komitmen yang sepenuhnya terhadap program yang diikuti ini. Beliau juga berharap agar semua pelajar akan berjaya menamatkan pengajian mereka dengan cemerlang. Terdahulu, En. Ngadi bin Robin telah menyampaikan ucapan aluan. Beliau turut menggesa agar semua pelajar baru memanfaatkan ruang dan peluang yang telah disediakan oleh MKM bagi mengikuti program jangka panjang seperti ini.

Program dua hari satu malam pada kali ini juga turut diselitkan dengan taklimat akademik yang telah disampaikan oleh Pn. Sh Rohaya Wan Idris. Selain itu, taklimat pengurusan dan kewangan juga telah disampaikan oleh Cik Dayang Adelina Abang Muan dan Pn. Yuslinah Pungut. En. Frank Meol Abdullah turut sama berkongsi pengalaman menerusi Ceramah Koperasi: Mimpi atau Realiti?. Ceramah bertajuk Pengurusan Masa Berkesan pula telah disampaikan oleh En. Yusman Yacob. Di samping itu, program pada kali ini juga turut sama memupuk nilai-nilai kepimpinan dan pengukuhan jati diri menerusi Gerak Kerja Berkumpulan yang dikendalikan oleh En. Mohamad Suandi Hj. Mortadza. Secara holistik, program pada kali ini telah berjaya diadakan dengan jaya dan cemerlang hasil kerjasama semua pihak.



Pendaftaran pelajar SPK



Pelajar SPK Ambilan Jun 2011



# MAJLIS PERASMIAN DIPLOMA PROFESIONAL PENGAUDITAN KOPERASI SECARA PENDIDIKAN JARAK JAUH (E-PJJ)

Pendidikan Jarak Jauh (e-PJJ) dengan menggunakan sistem e-Pembelajaran merupakan salah satu inisiatif ICT MKM. Pembelajaran secara atas talian ini membolehkan bahan kursus dicapai dengan mudah oleh pelajar. Oleh itu, mulai 2011, MKM mengorak selangkah lagi dengan menawarkan kursus jangka panjang secara Pendidikan Jarak Jauh (e-PJJ) secara blended mode iaitu pelajar masih perlu berjumpa dengan tenaga pengajar sebulan sekali untuk "face to face session".

Majlis Perasmian dan Pelancaran Program tersebut telah disempurnakan oleh Y.Bhg Tuan Haji Idris b. Ismail, Ketua Pengarah MKM pada 15 Oktober 2011. Antara inti pati ucapan Y.Bhg. Tuan Haji Idris b. Ismail, Ketua Pengarah MKM memaklumkan Program Diploma Profesional Pengauditan (DPPK) ini merupakan program kerjasama antara MKM dan Institute of Co-operative Management Auditors (ICMA). Bermula Julai 2009, Program DPPK ini

dijalankan secara konvensional iaitu pengajian sepenuh masa selama 1 tahun. Program ini bukan sahaja dapat menambah nilai Diploma Pengurusan Koperasi MKM, malah dapat meningkatkan tahap profesionalisme dan peluang peningkatan kerjaya.

Beliau juga memaklumkan pengajian DPPK melalui sistem e-Pembelajaran telah dipanjangkan tempoh pengajian selama 1½ tahun bersamaan dengan 3 semester berbanding 1 tahun untuk DPPK sepenuh masa. Bagi semester pertama dan kedua, para pelajar perlu mengambil tiga (3) mata pelajaran untuk setiap semester. Manakala pada semester yang terakhir pula para pelajar perlu menyiapkan "project paper & case study" bagi membolehkan para pelajar dianugerahkan Diploma Profesional Pengauditan Koperasi oleh Maktab Koperasi Malaysia dengan pengiktirafan sebagai Graduate Member oleh ICMA. 'Graduate Member ICMA' ini diiktiraf oleh JPA setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan untuk maksud lantikan ke jawatan akauntan dalam sektor koperasi.

Graduan yang memiliki kelulusan DPPK serta berpengalaman bekerja dalam bidang audit antara tiga hingga lima tahun berpotensi untuk disahkan sebagai Associate Member ICMA. Di samping itu, graduan boleh memohon lesen amal dari ICMA untuk mereka membuka firma audit sendiri dan mengaudit koperasi.

Majlis tersebut juga turut dihadiri oleh Y.Bhg. Tuan Haji Aziz@Abdul Aziz b. Tahir, Presiden ICMA. Seramai 36 orang pelajar dari seluruh Semenanjung Malaysia telah hadir mendaftar untuk Sesi Pengajian Oktober 2011/2013 pada Sesi pendaftaran pelajar dan Taklimat Program yang diadakan sebelum Majlis Perasmian tersebut. - Rubiah -



Sekitar majlis berlangsung



# PROMOSI 'TOUR' DPPK

Felcra- 5 Julai 2011



Koperasi Kebangsaan Tanah Berhad - (5 ogos 2011)



Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) - 9 ogos 2011



Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) - 9 Ogos 2011



Angkasa - 20 September 2011





# Imbasan 2011



Perasmian MKM Cawangan Utara 2 : 13 Jan 2011



Lawatan Delegasi Dari ICA (AP): 28 Feb 2011



Majlis Menandatangani MoU MKM-METEOR: 4 Mac 2011



Majlis Konvokesyen Diploma Pengurusan Koperasi Ke-15: 21 April 2011



Majlis Konvokesyen MKM ke-15: 21 April 2011



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2010: 20 Mei 2011



# Imbasan 2011



Pelancaran Program Akademi Peruncitan: 9 Jun 2011



Lawatan Ke Felcra: 5 Julai 2011



Lawatan Ke INTAN e-EPISA: 16 Ogos 2011



Seminar Transformasi Koperasi Menjana Ekonomi Negara: 14 Sep 2011



Karnival Sukan KPDNKK & Agensi 2011: 15 Okt 2011



Gimik Pelancaran Logo Baharu MKM: 10 Nov 2011





### SKIM PERBANKAN ISLAM

Bank Persatuan sebuah Institusi Perbankan yang berwibawa dan inovatif menawarkan berbagai-bagai skim pembiayaan, simpanan dan perlindungan yang berlandaskan prinsip-prinsip Syariah yang menarik dan menepati segala keperluan perbankan anda. Kunjungilah Bank Persatuan yang berhampiran, kami sentiasa bersedia membantu anda.

### PRODUK PEMBIAYAAN

- Pembiayaan Istimewa Lestari
- Pembiayaan Persendirian Istimewa
- Pembiayaan Pendidikan Tinggi
- Pembiayaan Setiabudi
- Pembiayaan Pengusaha Kecil
- Pembiayaan Persekolahan
- Pembiayaan Eksekutif / Profesional
- Pembiayaan Warga Emas
- Pembiayaan Bercagar
- Pembiayaan Perumahan
- Pembiayaan Koperasi

### PRODUK PERBANKAN

- Akaun Simpanan Al-Wadiah
- Akaun Pelaburan Al-Mudharabah
- Sijil Pelaburan Pembiayaan Bank Persatuan
- Akaun Simpanan Al Wadiah Mutiara
- Akaun Simpanan Al Wadiah Hasanah

### PRODUK TAKAFUL

- Pelan Takaful Rawat Berkelompok
- Pelan Takaful Khairat Berkelompok
- Skim Takaful Tabarru'
- Skim Takaful Mutiara Plus

### IBU PEJABAT

Koperasi Bank Persatuan Malaysia Berhad  
41, 43 & 45, Wisma Bank Persatuan, Jalan Selat,  
Taman Selat, 12000 Butterworth, Pulau Pinang.  
Tel : 04-3237650 Faks : 04-3238455  
<http://www.bankpstn.com.my>

### PEJABAT WILAYAH TENGAH

Koperasi Bank Persatuan Malaysia Berhad  
36, Tingkat 3, Menara RKT 2, Jalan Raja Abdullah,  
50300 Kuala Lumpur.  
Tel : 03-26927650 Faks : 03-26947652

### BUTTERWORTH

43 & 45, Wisma Bank Persatuan, Jalan Selat,  
Taman Selat, 12000 Butterworth, Pulau Pinang.  
Tel : 04-3337424 Faks : 04-3318176

### KEPALA BATAS

30, Wisma Bank Persatuan, Jalan Usahawan 2,  
Kompleks Perniagaan Kepala Batas  
13200 Kepala Batas, Pulau Pinang.  
Tel : 04-5751199 Faks : 04-5751794

### NIBONG TEBAL

26, Jalan Sungai Bakap, Taman Merbah,  
14300 Nibong Tebal, Pulau Pinang.  
Tel : 04-5935007 Faks : 04-5935961

### BAYAN BARU

118, Wisma Bank Persatuan, Jalan Mayang Pasir, Taman  
Sri Tunas, 11950 Bayan Baru, Pulau Pinang.  
Tel : 04-6439790 Faks : 04-6446181

### SUNGAI PETANI

16, Wisma Bank Persatuan, Jalan Legenda 2, Legenda  
Heights, 08000 Sungai Petani, Kedah.  
Tel : 04-4230853 Faks : 04-4231361

### TAIPING

159-161, Jalan Barrack, 34000 Taiping, Perak.  
Tel : 05-8077058 Faks : 05-8077078

### ALOR SETAR

59, Wisma Bank Persatuan, Pekan Simpang Kuala,  
05400 Alor Setar, Kedah.  
Tel : 04-7717650 Faks : 04-7717653

### IPOH

C-G-1, Wisma Bank Persatuan, Greentown Square,  
Jalan Dato' Seri Ahmad Said, 30450 Ipoh, Perak.  
Tel : 05-2547650 Faks : 05-2434267

### KANGAR

346, Jalan Baru Kangar – Alor Setar, Taman Mutiara,  
01000 Kangar, Perlis.  
Tel : 04-9777650 Faks : 04-9767655

### SHAH ALAM

2, Jalan Tengku Ampuan Zabedah D9/D, Seksyen 9,  
40100 Shah Alam, Selangor.  
Tel : 03-55117650 Faks : 03-55107650

### KOTA BHARU

559, Taman Damai Perdana, Wakaf Che Yeh,  
Jalan Kuala Krai, 15050 Kota Bharu, Kelantan.  
Tel : 09-7437650 Faks : 09-7487650

### KUANTAN

16, Jalan Putra Square 1, Putra Square,  
25200 Kuantan, Pahang.  
Tel : 09-5173650 Faks : 09-5173651

### KUALA LUMPUR

36, Tingkat Bawah & Tingkat 3, Wisma RKT 2,  
Jalan Raja Abdullah, 50300 Kuala Lumpur.  
Tel : 03-26917650 Faks : 03-26947651

### MELAKA

27, Jalan Komersial, Kota Fesyen MITC,  
75450 Ayer Keroh, Melaka.  
Tel : 06-2347650 Faks : 03-2343650

C  
A  
W  
A  
N  
G  
A  
N





**DENGAN INGATAN  
TULUS IKHLAS**

*Daripada  
Koperasi Serbausaha Makmur Berhad*

*( Koperasi perladangan kelapa sawit )*

**MAJU BERSAMA KOPERASI**

*Koperasi Serbausaha Makmur Berhad  
B-8032 Jalan Telok Sisek  
Sri Kuantan Square  
25000 Kuantan  
Pahang Darul Makmur  
Telefon : 09-5177977/7980 , Telefax : 09-5137190  
Laman web : [www.kosma.com.my](http://www.kosma.com.my)*

***Sertai komuniti  
kami di:***

**facebook**

**twitter**

**Cari :  
MAKTAB KOPERASI MALAYSIA**

**“Pusat Latihan Koperasi No.  Di Malaysia”**



# Kad Kredit-i



## Mengubah Gaya Hidup Anda

Kad Kredit yang menjanjikan ketenangan minda

- Yuran tahunan DIKECUALIKAN
- Tiada elemen berganda
- Pembayaran zakat
- Mata umrah/percutian
- Rebat Keuntungan (Tabung Umrah/Melancong)
- Perlindungan Takaful Keluarga percuma dan Khairat Kematian

**Dapatkan Segera! Hubungi 03-2693 6880**



**PUSAT KAD**  **BANKRAKYAT**  
CARD CENTRE  
03-2693 6880  
بېښځه وځيځه

Tertakluk kepada terma dan syarat

\*Tertakluk kepada terma dan syarat



# TAHNIAH MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

Di atas penjenamaan semula nama baru selaras dengan pindaan Akta Maktab Kerjasama Malaysia (Perbadanan) (Pindaan 2011) telah diwartakan sebagai Akta A1398 pada 1 September 2011

Dan

Penggunaan Logo Baharu  
Maktab Koperasi Malaysia

